




# LAPORAN TAHUNAN

2012











## KANDUNGAN

- 04** Rasional Logo
- 05** Canselor
- 07** Profil Universiti
- 14** Struktur Organisasi
- 16** Laporan Naib Canselor
- 21** Pembangunan Mahasiswa:  
Graduan Holistik dan Berdaya Gaji Tinggi
- 41** Program Pengajian yang Diiktiraf dan  
Tersohor Peringkat Negara dan Antarabangsa
- 49** Membangun dan Memupuk Serta Melahirkan  
Cendekiawan dan Pendeta yang Tersohor
- 89** Membentuk Modal Insan yang Inovatif  
dan Budaya Kerja yang Gemilang
- 115** Mencapai Tahap Kebebasan Kewangan
- 123** Mengamalkan Sistem Pentadbiran yang Cekap,  
Berkesan dan Berintegriti
- 135** Laporan Kewangan
- 143** Penyata Kewangan



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**جامعة العلوم الإسلامية الماليزية**  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## RASIONAL LOGO

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



### KUBAH

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.



### ARABES

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.



### REHAL

Tulisan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan USIM sebagai wadah penyampaian ilmu kepada para pelajarnya.



### LITAR

Litar yang bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.

# TUANKU CANSELOR

DULI YANG MAHA MULIA  
TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD  
DK (NS), DPTJ



# TUANKU PRO CANSELOR

YANG AMAT MULIA TUNKU BESAR SERI MENANTI  
TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ  
DKYR





# PROFIL UNIVERSITI

---



# PROFIL UNIVERSITI

## VISI

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

## MISI

Bertekad menjadi sebuah institusi terhadap berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

## OBJKTIF

1. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
3. Melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
5. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## DASAR KUALITI

USIM bertekad dan berlitzam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

1. Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan "stake holder universiti".
2. Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti ke arah memartabatkan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat.
3. Menggunakan amalan terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto.

## OBJKTIF KUALITI

1. Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan USIM.
2. Mewujudkan dan mengekalkan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.
3. Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.



# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

**1 YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor**  
Pengerusi  
(Sehingga 31 Mac 2012)

**2 YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**  
Pengerusi  
(Mulai 1 April 2012)

**3 YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda**  
Ahli  
(Sehingga 31 November 2012)

**4 YBhg. Datuk Hj. Omar Abd. Rahman**  
Ahli

**5 YB. Dato' Hj. Mat Ali Hassan**  
Ahli

**6 YB. Dato' Ishak Sahari**  
Ahli  
(Sehingga 30 April 2012)

**7 YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh**  
Ahli

**8 YBhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri**  
Ahli  
(Sehingga 30 April 2012)

**9 YBhg. Datuk Mohamed Azahari Mohamed Kamil**  
Ahli

**10 YBhg. En. Mohd Zuhri Abdullah**  
Ahli

**11 YBhg. En. Mustafar Taib**  
Ahli

**12 YBhg. Dato' Idris Kechot**  
Ahli

**13 YBhg. Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani**  
Ahli

**14 YBhg. En. Anuar Elias**  
Ahli



# JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

**1** **YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda**  
Ahli  
(Sehingga 31 November 2012)

**2** **YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah**  
Ahli

**3** **YBhg. Prof. Dr. Musa Ahmad**  
Ahli

**4** **YBhg. Prof. Dr. Hajah Mustafa  
Mohd Hanefah**  
Ahli

**5** **En. Muhammad Haizuan Rozali**  
Ahli

**6** **En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi**  
Ahli

**7** **En. Jasmin Jaimon**  
Ahli

**8** **Ir. Daim Saian**  
Ahli

**9** **Puan Zurina Md. Saad**  
Ahli

# SENAT UNIVERSITI

## Pengerusi

Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
Naib Canselor  
(Sehingga 31 November 2012)

## Ahli

Prof. Dr. Musa Ahmad  
**TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
**TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Encik Muhammad Haizuan Rozali  
**PENDAFTAR**

Encik Jasmin Jaimon  
**KETUA PUSTAKAWAN**

Encik Zairul Hisham Ahmad Khulaimi  
**PEMANGKU BENDAHARI**

Ir Daim Saian  
**Pengarah  
JABATAN PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN FASILITI**

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani  
**Dekan  
FAKULTI KEPIMPINAN DAN  
PENGURUSAN**

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff  
**Dekan  
FAKULTI PENGAJIAN QURAN  
DAN SUNNAH**

Dr. Yasmin Hanani Mohd Safian  
**Dekan  
FAKULTI SYARIAH DAN  
UNDANG-UNDANG**

Dr. Asmaddy Haris  
**Dekan  
FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT**

Prof. Dr. Bachok M. Taib  
**Dekan  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI**

Dr. Zairina A. Rahman  
**Dekan  
FAKULTI PERUBATAN DAN  
SAINS KESIHATAN**

Dr. Noor Azizi Ismail  
**Dekan  
FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA**

Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir  
Wan Othman

**Dekan  
FAKULTI PERGIGIAN**

Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias  
**Dekan  
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**

Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah  
Ahmad Ibrahim  
**Profesor  
FAKULTI KEPIMPINAN DAN  
PENGURUSAN**

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman  
**Profesor  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI**

Prof. Dr. Abdul Jalil Abdul Kader  
**Profesor  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI**

Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan  
**Profesor  
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**

Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah  
**Profesor  
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam  
**Profesor  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI**

Encik Idris Takyen  
**Pengarah  
PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif  
**Pengarah Institut Kefahaman Quran Sunnah**

Prof. Madya Paimah Atoma  
**Pengarah  
PUSAT PENGAJIAN TERAS**

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah  
**Pengarah  
PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

Dr. Nurlida Basir  
**Pengarah  
PUSAT TAMHIDI**

Dr. Hishomudin Ahmad  
**Pengarah  
PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH**

Puan Suhaili Ab. Jalil  
**Ketua  
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN  
PERHUBUNGAN ANTARABANGSA**

**1****2****3****4****5****6****7****8****9****10****11****12****13****14**

## DEKAN-DEKAN

**1 Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani  
(Sehingga 25 Februari 2012)

**2 Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani

**3 Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff

**4 Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang**

Prof. Dr. Abdul Samat Musa  
(Sehingga 15 Jun 2012)

**5 Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang**

Dr. Yasmin Hanani Mohd Safian

**6 Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat**

Dr. Asmaddy Haris

**7 Dekan Fakulti Sains dan Teknologi**

Prof. Dr. Jalani Sukaimi  
(Sehingga 15 Jun 2012)

**8 Dekan Fakulti Sains dan Teknologi**

Prof. Dr. Bachok M. Taib

**9 Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail  
(Sehingga 28 Ogos 2012)

**10 Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

Dr. Zairina A. Rahman

**11 Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama**

Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar  
(Sehingga 10 Mac 2012)

**12 Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama**

Dr. Noor Azizi Ismail

**13 Dekan Fakulti Pergigian**

Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir  
Wan Othman

**14 Dekan Pusat Pengajian Siswazah**

Prof. Dato' Dr. Mohamad Hj Alias  
Prof. Dr. Bachok M.Taib (Sehingga 15 Jun 2012)

# PENGARAH INSTITUT / PUSAT

Dr. Nurlida Basir  
*Pusat Tamhidi*

Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif  
*Pusat Pengajian Teras* (Sehingga 31 Januari 2012)

Prof. Madya Paimah Atoma  
*Pusat Pengajian Teras* (Mulai 1 Februari 2012)

Dr. Hishomudin Ahmad  
*Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin  
*Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)* (Sehingga 15 Jun 2012)

Prof. Dr. Abdul Samat Musa  
*Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)* (Mulai 16 Jun 2012)

Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim  
*Akademi Permata Insan*

Prof. Madya Dr. Abd Halim Mohd Husin  
*Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah (ACREDA)*

Dr. Zurina Shafii  
*Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam (IFWMI)*

Dr. Ernie Suzana Ali  
*Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOALCent)*

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam  
*Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)*

Prof. Dr. Abdul Jalil Abdul Kader  
*Pusat Hubungan Industri & Pengkomersialan (PHIP)*

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman  
*Pusat Perancangan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK)*

Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim  
*Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM)*

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah  
*Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran (PIPP)*

Encik Idris Takyen  
*Pusat Teknologi Maklumat*

Encik Mahdhir Abdullah  
*Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa*

Encik Hamran Husin  
*Pusat Sukan*

# STRUKTUR ORGANISASI USIM

## TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

### PUSAT SOKONGAN & KHIDMAT AKADEMIK

- Bahagian Pengajian Prasiswazah
- Pusat Pengajian Siswazah

### FAKULTI & PUSAT PEMBELAJARAN

- |                                    |                                       |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| - Fakulti Pengajian Quran & Sunnah | - Fakulti Sains & Teknologi           |
| - Fakulti Kepimpinan & Pengurusan  | - Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan |
| - Fakulti Syariah & Undang-undang  | - Fakulti Pergigian                   |
| - Fakulti Ekonomi & Muamalat       | - Fakulti Pengajian Bahasa Utama      |
|                                    | - Pusat Tamhidi                       |

### PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK

- Pusat Pengajian Teras
- Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran
- Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global

## TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI

### BAHAGIAN HAL EHWAH PELAJAR

### PUSAT SUKAN

### PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAANAN SISWA

### PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH

## DEKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

### PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI & PENGKOMERSILAN

### BAHAGIAN PENERBITAN

### PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

- Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia
- Institut Pengurusan & Penyelidikan Halal
- Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam
- Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia
- Akademi Permata Insan
- Institut Kefahaman Quran dan Sunnah

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## SENAT

## NAIB CANSELOR

PENDAFTAR

BAHAGIAN  
MODAL INSAN

BAHAGIAN  
GOVERNAN &  
PENTADBIRAN AM

BAHAGIAN  
UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN  
KESELAMATAN

BENDAHARI

BAHAGIAN  
PENTADBIRAN

BAHAGIAN  
BELANJAWAN &  
PELAPORAN KEWANGAN

BAHAGIAN OPERASI  
& KAWALAN ASET

KAMPUS  
CAWANGAN

KETUA  
PUSTAKAWAN

BAHAGIAN  
PENGURUSAN

BAHAGIAN  
TEKNIKAL

BAHAGIAN  
PERKHIDMATAN

KAMPUS  
CAWANGAN

PENGARAH  
PEMBANGUNAN

BAHAGIAN  
PENTADBIRAN

BAHAGIAN  
PENGURUSAN KONTRAK,  
ARKITEK & LANDSKAP

BAHAGIAN  
KEJURUTERAAN

## JABATAN CANSELORI

PEJABAT  
NAIB CANSELOR

PUSAT  
PERANCANGAN KORPORAT  
& PENGURUSAN KUALITI

BAHAGIAN  
AUDIT DALAM

BAHAGIAN  
KOMUNIKASI KORPORAT  
DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

PUSAT TEKNOLOGI  
MAKLUMAT

# LAPORAN NAIB CANSELOR

Tahun 2012 merupakan fasa merealisasikan Enam Bidang Keberhasilan Utama (USIMKRA) sejajar menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). Pelaksanaan USIMKRA telah dimantap dan digigitkan dengan pencapaian-pencapaian yang didominasi oleh kesan kesungguhan, komitmen yang tinggi dan kemahiran yang selari dengan keberhasilan.



Strategi USIMKRA1 mencatatkan perkembangan yang menggalakkan pada tahun semasa. Pengambilan jumlah pelajar dalam pelbagai peringkat pengajian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.16%. Manakala kesemua tahap pengajian di USIM mencatat peningkatan 15.41% enrolmen berbanding tahun 2011. Jumlah graduan USIM pada tahun 2012 juga meningkat sebanyak 11.14 merangkumi semua peringkat pengajian dengan jumlah keseluruhan 1346 orang. Kesemua peningkatan positif ini dibantu oleh mekanisme merekrut pelajar terbaik melalui program-program seperti Sekolah Kluster/Sekolah Angkat, Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2012- Jom Masuk U, Promosi SMKA/SMA dan Selangkah ke USIM.

Peningkatan kualiti mahasiswa USIM turut disumbang oleh garapan budaya keusahawanan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran sehingga berjaya merangkul tempat pertama dalam JA Business Ethics Competition yang dianjurkan oleh American Chamber of Commerce. Selain itu, para pelajar dipastikan melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah melalui 173 aktiviti kecemerlangan, lapan aktiviti di bawah projek Grooming & Finishing School dan 49 program dakwah termasuk 12 kembara di lapan buah negara melalui Global Islamic Students Outreach (GISO).

Di dalam bidang sukan, tahun 2012 menyaksikan dua orang pelajar telah terpilih mewakili kontinjen Malaysia dalam Kejohanan Sukan Universiti Asean 2012 di Laos dalam acara Pencak Silat. Manakala bagi Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang, tiga orang mahasiswi telah terpilih untuk mewakili kontinjen Selangor dalam acara yang sama.

Gagasan untuk membentuk program pengajian yang diiktiraf dan tersohor di peringkat negara dan arena antarabangsa terus menjadi aspirasi untuk direalisasikan oleh seluruh warga akademik USIM. Tahun 2012 mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.69% dalam penawaran kursus secara kolektif. Penyertaan staf akademik dalam kursus/bengkel/seminar telah meningkatkan tahap kompetensi dan hasilnya skor penilaian

(e-Nilai) untuk pensyarah melebihi 90% berbanding KPI yang disasarkan iaitu 80%. Pencapaian tersebut terus disokong dengan kejayaan mencapai Tier 5 (Cemerlang) di dalam SETARA'11 dan Tier 3 (Baik) bagi Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Discipline-Based Rating System- D-SETARA*) untuk bidang Pengajian Perubatan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK). Selain itu, untuk tahun ini juga beberapa program pengajian peringkat Sarjana Muda USIM berjaya diakreditasikan dan diiktiraf oleh badan-badan pemantau seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Pergigian Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Usaha membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta yang tersohor secara berterusan giat disinergikan melalui aktiviti penerbitan, penyelidikan, persidangan, khidmat kepakaran, penempatan staf dan pembangunan pusat kecemerlangan. Pada tahun ini, seramai tiga orang staf akademik dilantik sebagai Profesor Adjung/ Pelawat, salah seorang daripadanya menerima jemputan daripada institusi terkemuka dunia, Universiti Oxford. Selain itu, Penerbit USIM juga telah berjaya meningkatkan bilangan sebanyak 33% di dalam penerbitan jurnal. Sejumlah 32 artikel jurnal staf akademik telah tersenarai dalam indeks ISI/SCOPUS.

Pembangunan enam Pusat Kecemerlangan sedia ada dirancakkan dengan kepelbagaian aktiviti-aktiviti berimpak. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah melebarkan imej dan citranya di mata masyarakat umum dengan siri-siri lawatan daripada pelbagai agensi dan entiti luar, yang semakin berminat dengannya. Selain itu, nama Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) semakin dikenali sejak kertas kerjanya diangkat ke Standard Malaysia dan JAKIM bagi mewujudkan standard halal dan fatwa berkenaan halal dan pembangun kaedah ISO 17025 berkaitan analisis halal haram. IHRAM kini turut memperkenalkan perkhidmatan latihan, analisis, perundingan dan penyelidikan berasaskan unsur halal kepada seluruh masyarakat dan juga industri halal di Malaysia. USIM juga amat berbangga dengan Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) iaitu salah sebuah institusi kecemerlangan yang mampu menjana kewangan tertinggi universiti dengan khidmat perundingan, penulisan, penerbitan latihan dan pusat maklumat berkaitan penyalahgunaan dadah bertaraf nasional. Tahun 2012 juga turut mencatatkan lakaran gemilang kepada Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) apabila para penyelidik IFWMI memenangi pingat di pertandingan penyelidikan *23rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (iTEX2012) melalui projek bertajuk *Shariah Governance and Audit in Islamic Financial Institutions*. Hasil penyelidikan ini amat berharga dan eksklusif dalam melatih bakal-bakal juruaudit Syariah di institusi pengajian tinggi dan industri. Selain itu, USIM juga menubuhkan Institut Pengajian Quran dan Sunnah (IQ) sebagai untuk mendalami dan mengimbangi ilmu Aqli dan Naqli yang diterapkan di USIM. Manakala Akademi Permata Insan (API) memasuki tahun ketiga penubuhannya dan sedang memancarkan sinarnya melalui 21 aktiviti/program yang sentiasa menjadi perhatian YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penaung PERMATA Negara.

Langkah-langkah komprehensif dilaksanakan dalam membentuk modal insan yang inovatif dan memiliki budaya kerja yang gemilang. Pelan Penggantian diperluaskan pelaksanaannya sehingga ke peringkat jabatan termasuk proses pelantikan dekan-dekan fakulti. Latihan demi latihan dilaksanakan untuk menyokong usaha ini. Penerapan dan penghayatan pelbagai aspek kemahiran dan pengetahuan serta sikap diterapkan dengan baik. Dasar-dasar berkaitan latihan, kursus jangka panjang dan pendek, seminar untuk meningkatkan pengetahuan pentadbiran dan kelayakan akademik sama ada di dalam atau di luar negara, diberikan keutamaan. Program latihan berbentuk ICT berjaya dilaksanakan dalam 19 siri latihan dan sembilan siri program *Tazkirah Syahriyyah* berjaya menarik penyertaan seramai 1377 orang.

Untuk tahun 2012, kadar Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) mencapai tahap 94.35%, meningkat 2.22% berbanding tahun lalu. Penekanan turut diberikan kepada proses pusingan kerja (*job rotation*) yang diakui amat berkesan dalam usaha menyediakan staf yang mahir dalam semua bentuk tugas kritikal. Dari segi prospek kerjaya, seramai 41 orang kakitangan (38 staf akademik dan tiga staf pentadbiran) telah dinaikkan pangkat. Dalam pada itu, turut dititikberatkan ialah keharmonian dan keselesaan suasana kerja. Selain itu, penambahbaikan sekim kebijakan staf seperti perubatan dan insuran, perbelanjaan kaca mata termasuk pemberian *business card* yang dipertingkatkan. Projek penambahbaikan penilaian persekitaran kerja juga terus dimantapkan melalui usaha survei Kepuasan Bekerja, Sistem Pengurusan Audit Nilai dan Program Mentor-Mentee. Hasil yang memuaskan dapat dilihat semakin jelas terhadap penjanaan modal insan yang komited.

Beberapa strategi telah dirangka dalam mengimbangi penjanaan pendapatan kepada Universiti. Tahun 2012 mencatatkan jumlah hasil pendapatan secara keseluruhannya bernilai RM17,884,983.57. Sebahagian besarnya secara tetap hasil daripada penjanaan yuran pengajian yang menyumbang sebanyak RM9,195,705. Selain daripada penjanaan pendapatan sedia ada, tiga strategi pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap memperkemaskan Sistem Pengurusan Kewangan, Pengagihan Bajet Secara Strategik dan Pembaziran Sifar. Pengurusan Kewangan diperkemaskan dengan menyusun semula sumber hasil utama Universiti agar penjanaan pendapatan lebih terfokus. Hasil daripada kempen kesedaran pengguna dan penguatkuasa larangan pembaziran membawa hasil apabila USIM berjaya mengurangkan kos perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan tahun 2012 sebanyak RM1,983,228, walaupun pertambahan staf serta pelajar tidak dapat dielakkan. Dalam pada itu, USIM juga mengambil pendekatan pemasaran dan pengkomersialan strategik sebagai aktiviti penting untuk meningkatkan pendapatan universiti. Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoU) yang dimeterai dengan entiti strategik, produk-produk penyelidikan yang dikomersilkan mampu memberikan janaan dan pulangan kepada universiti serta dapat menjimatkan kos secara kolektif.

Sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti menjadi cabaran penting kepada seluruh staf USIM. Pembudayaan kualiti menjadi teras utama untuk mensinergi kreativiti dan inovasi pada masa hadapan. Sistem tadbir urus dan governans dimantapkan dengan aplikasi penggunaan ICT dalam semua urusan dengan pelanggan/staf seperti e-Prestasi, myOT, eGEMSYS, MyAKRAB dan myTRAMS. Manakala sistem aplikasi pelajar yang secara berterusan dimantapkan ialah sistem Latihan Industri (eLI), Penilaian Kemahiran Insaniah (ePKI), Permohonan Pascasiswazah (eCGS) dan Portal eStudent. Mesyuarat-mesyuarat utama universiti diselaraskan menggunakan sistem MyMeeting yang jelas lebih tersusun dan menjimatkan ruang dan wang.

Sebagai mengiktiraf sumbangan dan komitmen staf, Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2011 turut diadakan; seramai 105 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala 67 orang yang lain dipilih untuk menerima Anugerah Terpuji. Daripada itu, sebagaimana tahun lalu, tiga orang dipilih untuk dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa dan menerima hadiah tambahan berupa pakej umrah bernilai RM5000.00, selain anugerah-anugerah istimewa bagi inovasi dan kreativiti, penerbitan, penyelidikan, tokoh hasanul mudir, karya terbaik dan sebagainya.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan usaha gigih, kerjasama dan sokongan padu semua pihak terutamanya kepada seluruh warga setia Universiti Sains Islam Malaysia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (dahulu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia) serta seluruh mahasiswa/i sepanjang tahun 2012.

Sekian, terima kasih.  
Salam hormat



**Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
Naib Canselor**

# GAGASAN KEBERHASILAN UTAMA USIM

---

# USIM KRA

## KRA 1

Pembangunan Mahasiswa:  
Graduan Holistik &  
Berdaya Gaji Tinggi

## KRA 2

Program Pengajian yang  
Diiktiraf & Tersohor  
Peringkat Negara &  
Antarabangsa

## KRA 3

Membangun &  
Memupuk Serta Melahirkan  
Cendekiawan &  
Pendeta yang Tersohor

## KRA 4

Membentuk Modal Insan  
yang Inovatif & Budaya Kerja  
yang Gemilang

## KRA 5

Mencapai Tahap  
Kebebasan  
Kewangan

## KRA 6

Mengamalkan Sistem  
Pentadbiran yang  
Cekap, Berkesan  
& Berintegriti



# USIMKRA 1

PEMBANGUNAN MAHASISWA:  
GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA  
GAJI TINGGI

---



## **PEMBANGUNAN MAHASIWA : GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA GAJI TINGGI**

USIM telah merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) yang pertama iaitu melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi. Sepanjang 2012, beberapa program dan aktiviti yang dilaksanakan berpaksikan kepada tujuh *Critical Agenda Programme* (CAP) yang telah dibentuk iaitu rekrutmen pelajar terbaik, pembinaan imej dan penjenamaan, memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kebolehpasaran graduan, pembangunan holistik pelajar, memantapkan kecemerlangan sukan dan mengukuhkan hubungan industri-universiti.

Berikut merupakan Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Pengambilan Pelajar di USIM bagi 2011 dan 2012:

**Jadual 1.1: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Pengambilan Pelajar di USIM pada 2011 dan 2012**

PENGAMBILAN PELAJAR	PENUNJUK KECEKAPAN	
	2011 BIL	2012 BIL
PHD	89	143
Sarjana	122	138
Sarjana Muda	2508	2176
Diploma Siswazah	62	60
Tamhidi	1170	1170
<b>JUMLAH</b>	<b>3951</b>	<b>3687</b>

Berdasarkan Jadual 1.1, pengambilan jumlah pelajar pada 2012 meningkat berbanding 2011 bagi pelajar Doktor Falsafah iaitu 143 orang (peningkatan 60.67%) dan pelajar Sarjana 138 orang (peningkatan 13.11%). Manakala tiada perubahan dalam jumlah pengambilan pelajar Tamhidi iaitu 1170 orang pada 2012.

Berikut merupakan Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Enrolmen Pelajar di USIM bagi 2011 dan 2012:

**Jadual 1.2: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Enrolmen Pelajar di USIM pada 2011 dan 2012**

ENROLMENT PELAJAR	PENUNJUK KECEKAPAN	
	2011	2012
	BIL	BIL
PHD	245	382
Sarjana	353	495
Sarjana Muda	6912	8028
Diploma Siswazah	406	466
Tamhidi	735	856
<b>JUMLAH</b>	<b>8651</b>	<b>10227</b>

Berdasarkan Jadual 1.2, didapati bahawa kesemua tahap pengajian di USIM mencatat peningkatan enrolmen pelajar pada 2012 berbanding 2011.



Berikut merupakan Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Jumlah Graduan di USIM bagi 2011 dan 2012:

**Jadual 1.3: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Jumlah Graduan di USIM pada 2011 dan 2012**

JUMLAH GRADUAN	PENUNJUK KECEKAPAN	
	2011	2012
	BIL	BIL
PhD	7	9
Sarjana	44	30
Sarjana Muda	1128	1228
Diploma Siswazah	17	79
<b>JUMLAH</b>	<b>1196</b>	<b>1346</b>

Merujuk Jadual 1.3, pertambahan jumlah graduan secara keseluruhan pada 2012 juga bersifat positif dengan jumlah 1346 graduan.



## REKRUTMEN PELAJAR TERBAIK

Pada sesi akademik 2012/2013, sejumlah 63.3% daripada 2184 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti pelbagai program pengajian Sarjana Muda, manakala bagi program pengajian Tamhidi pula, 50% daripada 1182 orang pelajar telah memilih USIM sebagai pilihan pertama mereka.

Sementara itu, 43.8% pelajar program pengajian Sarjana Muda tersebut mempunyai kelayakan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ke atas manakala 50% pelajar program pengajian Tamhidi pula telah mencapai PNGK 3.00 dan ke atas dalam Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2011/2012. Bagi penguasaan bahasa Inggeris pula, 38.1% pelajar yang mendaftar dalam program pengajian Sarjana Muda telah mencapai Band 3 dan ke atas dalam Malaysia University English Test (MUET) manakala 75% pelajar program pengajian Tamhidi yang ditawarkan ke program pengajian Sarjana Muda telah mencapai Band 3 dan ke atas dalam ujian yang sama.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk memastikan pelajar yang akan memasuki USIM merupakan pelajar yang cemerlang. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### Sekolah Kluster/Sekolah Angkat

Hubungan bersama Sekolah Angkat/Sekolah Kluster diperkuuhkan dengan mengadakan program-program integrasi dan kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Antara program yang dilaksanakan seperti Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat, Pembukaan Kaunter Informasi Program Pengajian USIM, Program Kepimpinan Islam dan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Program yang dilaksanakan ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengenali USIM dengan lebih dekat lagi dan membantu membangunkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah lagi.



Beberapa sekolah yang terlibat dalam projek ini adalah MRSM Gemencheh, Sekolah Menengah (SMA) Nilai, Negeri Sembilan, Sekolah Agama Menengah (SAM) Sungai Merab Luar, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Melaka, SAM Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor, SMA Sains Kuala Pilah, Negeri Sembilan, SMKA Sheikh Haji Mohd Said Seremban, Negeri Sembilan, Maahad Tahfiz Pahang dan SMA (Arab) An Nur, Johor.

### Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2012 – Jom Masuk U

USIM telah menyertai KPTN 2012 - Jom Masuk U yang dianjurkan secara bersama oleh semua IPTA dan KPT. Program ini berbentuk promosi yang disasarkan kepada pelajar-pelajar di seluruh Malaysia. Sebanyak 11 siri KPTN 2012 - Jom Masuk U telah diadakan dan disertai oleh USIM. USIM juga telah menjadi tuan rumah KPTN 2012, Zon 7 bertempat di Dataran Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 3 dan 4 Mac 2012. KPTN yang telah diadakan ini membantu pelajar sekolah mendapatkan maklumat yang jelas berhubung peluang melanjutkan pengajian di IPT termasuk program yang ditawarkan mengikut kesesuaian dan kelayakan akademik pelajar. Dianggarkan seramai 555,000 orang telah mengunjungi KPTN sepanjang 11 siri yang diadakan.

### Jadual 1.4 : Lokasi Karnival Pengajian Tinggi Negara - Jom Masuk U

BIL	LOKASI KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA "JOM MASUK U"
1	Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan, Pahang
2	Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu
3	Sunway Convention Centre, Seberang Jaya, Pulau Pinang
4	Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah
5	Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah
6	Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu, Kelantan
7	Dataran Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan
8	Permata Exhibition Hall, Kuching, Sarawak
9	Arena Square, Kuala Kangsar, Perak
10	Persada Johor International Convention Centre, Johor
11	Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

## Promosi SMKA/SMA

Aktiviti promosi giat dijalankan di SMKA dan SMA seluruh Malaysia, yang menjadi sumber calon pelajar berpotensi ke USIM. Sepanjang 2012 sebanyak 29 aktiviti promosi telah dilaksanakan bermula Januari hingga Disember. Tumpuan diberikan kepada SMKA/SMA yang mempunyai rekod akademik yang cemerlang. USIM juga sentiasa mengalu-alukan jemputan daripada SMKA/SMA untuk menyampaikan taklimat peluang pengajian di USIM kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut.



## Selangkah ke USIM

Projek Selangkah ke USIM telah dilaksanakan dengan tumpuan kepada pelajar-pelajar aliran agama yang baharu sahaja tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia telah berlangsung pada 19 hingga 21 Disember 2012 melibatkan pelajar daripada Maahad Tahfiz Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang Selangor.

Pelajar yang terpilih menyertai program ini telah dibawa menginap di kolej-kolej kediaman USIM dan mengikuti kuliah/tutorial/amali bersama-sama pelajar USIM untuk merasai sendiri suasana pembelajaran di USIM. Lawatan ke pusat akademik dan pusat kegiatan pelajar yang terpilih juga diadakan supaya pelajar dapat mengenali USIM dengan lebih dekat dan seterusnya menarik minat mereka untuk memilih USIM sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian pada masa hadapan.

## Promosi Kolej

USIM turut mendekati kolej-kolej bagi tujuan mempromosikan peluang pengajian di USIM khususnya kepada pelajar lepasan Diploma/Setaraf. Pada 2012, USIM telah mengadakan promosi di Kolej Islam Darul Ridzuan dan Kolej Matrikulasi Pahang.

## MEMUPUK BUDAYA KEUSAHAWANAN

Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dibangunkan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang terancang dan holistik dalam kalangan IPT tempatan. Selaras dengan dasar tersebut, USIM telah melaksanakan inisiatif untuk melahirkan bakal usahawan yang berkualiti dan mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi. Antaranya setiap pelajar USIM diwajibkan mengambil kursus keusahawanan yang merupakan Kursus Wajib Universiti. Hasil daripada penerapan kemahiran ini, semua pelajar tahun akhir USIM berupaya menyediakan Rancangan Perniagaan (RP) sendiri.

Keupayaan menyediakan RP ini juga merupakan nilai tambah kepada pelajar dan mampu menanam sifat berani untuk menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Hasilnya seramai empat orang pelajar USIM yang tamat pengajian telah berjaya menceburkan diri dalam dunia keusahawanan secara sepenuh masa melalui entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), manakala seramai 933 orang pelajar menjalankan perniagaan semasa pengajian.

Kejayaan yang amat membanggakan dalam aktiviti keusahawanan apabila Sekretariat Latihan Keusahawanan Siswa telah berjaya merangkul tempat pertama dalam JA Business Ethics Competition yang dianjurkan oleh American Chamber of Commerce pada 19 Mei 2012. Kejayaan yang dikehendaki ini menyuntik semangat untuk terus maju lagi dalam bidang keusahawanan.

## PENINGKATAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Berdasarkan data Kajian Pengesanan Graduan 2012, sejumlah 72.37% graduan USIM telah memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian. Peratusan tersebut membuktikan graduan USIM sentiasa mendapat tempat di kalangan majikan dan industri. Kualiti graduan USIM ini ditunjangi oleh pendekatan pengajian di USIM serta penerapan nilai tambah dalam program-program yang menyokong kebolehpasaran graduan. Aktiviti Utama (KA) yang dilaksanakan untuk memastikan kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

### Program Transformasi Diri (PTD)

PTD merupakan program bersepadan yang dilaksanakan selama empat tahun pengajian bagi pelajar Sarjana Muda. Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik dan memenuhi pasaran kerja. Program ini merangkumi Program Pembangunan Kemahiran Insaniah dan Program Pembangunan Minat dan Kecenderungan Kerjaya. Program Pembangunan Minat dan Kecenderungan Kerjaya diadakan bertujuan untuk membimbing hala tuju kerjaya dan pembangunan diri pelajar USIM sebelum melangkah ke alam pekerjaan kelak. Program berkala yang dilaksanakan sebanyak 17 siri ini telah melibatkan seramai 1586 orang pelajar.

Program ini terdiri daripada modul bertahap iaitu Tahap Pertama (Pengenalan) merangkumi Bengkel Bijak Belajar, Bengkel Persediaan Kerjaya dan Bengkel Pengurusan Masa. Manakala Tahap Kedua (Pengukuhan) pula meliputi Bengkel Komunikasi Berkesan, Bengkel Personaliti dan Keterampilan dan Bengkel Kemahiran Pengurusan Emosi. Tahap Ketiga (Lanjutan) pula menekankan Bengkel Penulisan Resume, Bengkel Motivasi Esteem Diri dan Bengkel Temu Duga dan Latihan.

## Aktiviti Kecemerlangan Mahasiswa

Aktiviti kecemerlangan sentiasa diberi keutamaan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran insaniah di samping melonjakkan nama USIM dalam kecemerlangan yang dikehendaki. Sepanjang 2012, sebanyak 173 aktiviti kecemerlangan telah dilaksanakan melibatkan sejumlah 60,429 penyertaan daripada pelajar. USIM amat berbangga di atas kejayaan pelajar USIM dalam pelbagai aktiviti yang disertai. Antara aktiviti tersebut seperti berikut:

### Jadual 1.5 : Pencapaian Aktiviti Pelajar

BIL	NAMA PROGRAM/PERTANDINGAN	PERINGKAT	PENCAPAIAN
1	Pertandingan Debat Perdana Integriti 2012	Kebangsaan	Juara Liga Keseluruhan
2	Pertandingan Debat Kepenggunaan 2012	Kebangsaan	Naib Johan
3	Pertandingan Debat Perpaduan 2012	Kebangsaan	Naib Johan
4	Pidato Kemerdekaan 2012	Kebangsaan	Johan
5	Pertandingan Debat Pendidikan Islam Serantau (PENDEPIS)	Antarabangsa	Johan
6	Musabaqah Tilawah Al- Quran, Hafazan & Tafsiran Institut Pengajian Tinggi Serantau Negara Brunei Darussalam 1433H/2012M	Antarabangsa	Tempat Ketiga (Qari)
7	Pertandingan Dikir Barat Kraftangan Jalan Conlay	Kebangsaan	Naib Johan dan Tukang Juara Terbaik
8	Pertandingan Nasyid Peringkat IPT Malaysia 2012	IPTA	Naib Johan dan Anugerah Persembahan Terbaik
9	Fiesta Zapin dan Kebudayaan Johor IPTA (FEKAZ)	IPTA	Tempat Ketiga
10	Anugerah Kecemerlangan Mahasiswa (AKSIS)	USIM	Anugerah Cemerlang Kepimpinan dan Anugerah Cemerlang Seni (Kumpulan Nasyid Interaksee)
11	Tilawah Al-Quran Kategori Qari Pertandingan Amal Islami Hari Belia Negara 2012	Kebangsaan	Johan
12	Pertandingan Nasyid Peringkat IPT Malaysia 2012	IPTA	Tempat Ketiga
13	Pertandingan Dikir Barat Piala Perakan 2012	Kebangsaan	Johan
14	USIM International Week	USIM	Johan
15	FESTIVAL TEATER MAKUM 2012	IPTA	Tempat Ketiga dan Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik
16	Pertandingan Dikir Barat Peringkat Suku Akhir	Kebangsaan	Separuh Akhir
17	Festival Cipta Lagu Patriotik Lagu Mencarimu Malaysia	Kebangsaan	Johan

18	Festival Nasyid Piala Naib Canselor UITM (FENU'12)	IPTA	Johan dan Anugerah Vokal Terbaik
19	Pertandingan Berzanji dan Marhaban Peringkat Negeri Sembilan	Negeri	Johan dan Anugerah Vokal Terbaik
20	Festival Nasyid, Berzanji dan Marhaban Peringkat Negeri Sembilan	Negeri	Johan Nasyid Tradisi (Kumpulan Nasyid Intracksee) dan Johan Nasyid Moden (Kumpulan Nasyid Azra)



### Grooming and Finishing School

USIM telah melaksanakan lapan aktiviti di bawah Projek *Grooming and Finishing School* yang melibatkan 1733 penyertaan pelajar. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Jom Rancang mengikut setiap fakulti. Menerusi program tersebut, pelajar didedahkan dengan petua-petua menghadapi temu duga. Selain itu, USIM juga telah menganjurkan Karnival Eksplorasi Kerjaya (CAREX). Program tersebut bertujuan membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat agensi-agensi awam dan swasta yang berkait rapat dengan kerjaya yang bakal mereka ceburi. Pengalaman berinteraksi dengan agensi-agensi ini telah menjadikan pelajar lebih bersedia dan berkeyakinan ketika mencari peluang pekerjaan.

### Dakwah dan Kepimpinan

Aspek dakwah dan kepimpinan juga dititikberatkan dalam aktiviti yang dijalankan oleh pelajar. Sejumlah 49 program telah dilaksanakan di bawah Projek Dakwah dan Kepimpinan melibatkan 22,862 penyertaan pelajar. Penekanan kepada aspek kepimpinan dan dakwah amat penting untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri mapan dan berupaya menerajui kepemimpinan negara pada masa hadapan. Antara program yang telah dijalankan adalah Kem Aspirasi Dakwah Remaja Islam, Bengkel Motivator Muda Islam dan Pembangunan Kompetensi Rais dan Raisah LIQA'.



### Global Islamic Students Outreach (GISO)

Memfokuskan elemen khidmat masyarakat sebagai pengisian utama, Pengembaraan USIM GISO membuka ruang kepada mahasiswa melaksanakan tugas sebagai pendakwah kepada masyarakat Islam seluruh dunia. Kelompok sasaran pengembaraan ini adalah kalangan masyarakat di negara minoriti Islam dan negara-negara Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) yang masih menjalani kehidupan dalam serba kedaifan serta kekurangan akses pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Pada 2012, 12 pengembaraan di lapan buah negara telah dilaksanakan dengan penyertaan 204 pelajar. Aktiviti tumpuan GISO dalam pengembaraan tersebut termasuklah penyerahan sumbangan barang keperluan harian, melukis mural untuk murid sekolah rendah serta membersihkan kawasan sekolah yang menempatkan anak-anak Muslim tempatan.

### Program Sokongan Bahasa

Program Sokongan Bahasa atau *Language Support Programme* (LSP) yang terdiri daripada *Arabic Language Support Programme* (ALSP) dan *English Language Support Programme* (ELSP) dilaksanakan bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang menjadi medium perantaraan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di USIM. Program ELSP yang diikuti pelajar juga membantu meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam MUET. Jadual di bawah menunjukkan statistik tahap pencapaian MUET yang diduduki oleh pelajar USIM mengikut peringkat pengajian.

### Jadual 1.6 : Tahap pencapaian Malaysian University English Test (MUET) MUET Awal 2012

KATEGORI	BAND							JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	TH	
Tamhidi	6	78	48					132
Sarjana Muda	160	506	88	2			38	794
PPS							1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>166</b>	<b>584</b>	<b>136</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>39</b>	<b>927</b>

## MUET Pertengahan 2012

KATEGORI	BAND							JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	TH	
Tamhidi	-	-	-					-
Sarjana Muda	132	293	29	1			32	487
PPS	-	1					-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>132</b>	<b>294</b>	<b>29</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>32</b>	<b>488</b>

## MUET Akhir 2012

KATEGORI	BAND							JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	TH	
Tamhidi	29	387	324	44			66	850
Sarjana Muda	187	339	87	10			34	657
<b>JUMLAH</b>	<b>216</b>	<b>726</b>	<b>411</b>	<b>54</b>			<b>100</b>	<b>1507</b>

## Majlis Konvokesyen Kali Ke-10 USIM

Majlis Konvokesyen Kali Ke-10 USIM telah diadakan pada 23 dan 24 November 2012 bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Majlis Konvokesyen kali ini turut diserikan dengan kehadiran Pro Canselor USIM yang pertama iaitu Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tuanku Ali Redhauddin Inni Tuanku Muhriz. Turut mencemar duli ke majlis ini adalah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Majlis telah dibahagikan kepada tiga sidang iaitu Sidang Pertama pada 23 November 2012 telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Canselor. Baginda telah berkenan menganugerahkan gelaran ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Utama Hj. Mohamad Bin Hj. Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan dan anugerah Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Jalani Sukaimi, mantan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi. Tuanku Canselor turut serta menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian yang merupakan graduan sulung Fakulti Pergigian dan graduan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang turut melahirkan graduan sulung bagi program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian (QIDQ).

Sidang Kedua dan Sidang Ketiga pada 24 November 2012 telah disempurnakan oleh Naib Canselor iaitu Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda. Seramai 1346 orang graduan telah dikurniakan ijazah dan diploma masing-masing pada majlis tersebut dengan sembilan graduan menerima ijazah Doktor Falsafah, 30 graduan ijazah Sarjana, 79 graduan Diploma Siswazah dan 1,228 graduan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian. Perincian anugerah ijazah mengikut program seperti berikut:



### Jadual 1.7: Program Pengajian/Kelas Ijazah

#### Program Siswazah (Doktor Falsafah)

BIL	KOD	PROGRAM PENGAJIAN	JUMLAH
1	Q401	Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah	1
2	A401	Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam	3
3	S401	Doktor Falsafah Sains dan Teknologi	2
4	P401	Doktor Falsafah Pendidikan	1
5	A404	Doktor Falsafah Pengurusan Sumber Manusia	1
6	M401	Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	1
<b>JUMLAH</b>			<b>9</b>

#### Program Siswazah (Doktor Falsafah)

BIL	KOD	PROGRAM PENGAJIAN	JUMLAH
1	A301	Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam	1
2	A302	Sarjana Da'wah dan Kepimpinan Islam	6
3	A303	Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)	3
4	A304	Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media)	1
5	A305	Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	5
6	L303	Sarjana Undang-Undang	1
7	L302	Sarjana Syariah	2
8	Q301	Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah	1
9	S301	Sarjana Sains	6
10	P301	Sarjana Bahasa Arab Komunikasi	4
<b>JUMLAH</b>			<b>30</b>

## Program Diploma Siswazah

BIL	KOD	PROGRAM PENGAJIAN	JUMLAH
1	A201	Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA)	33
2	L201	Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP)	46
<b>JUMLAH</b>			<b>79</b>



## Pascasiswazah (Sarjana Muda)

BIL	KOD	PROGRAM PENGAJIAN	JUMLAH
1	QL04	SM Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian	73
2	QL08	SM Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian	158
3	QE02	SM Perakaunan dengan Kepujian	108
4	QE06	SM Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian	23
5	QP21	SM Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	122
6	QP49	SM Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian	29
7	QS43	SM Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)	32
8	QS10	SM Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)	26
9	QC13	SM Sains dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)	21
10	QG00	SM Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)	12
11	QG07	SM Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)	37
12	QI10	SM Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian	43
13	QI11	SM Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian	46

14	QI05	SM Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	138
15	QIDQ	SM Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	30
16	QI07	SM Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian	72
17	QA19	SM Kaunseling dengan Kepujian	39
18	QA02	SM Komunikasi dengan Kepujian	29
19	QB05	SM Bahasa Arab Komunikasi dengan Kepujian	80
20	QT35D	SM Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	21
21	QM00	SM Perubatan dan Surgeri	37
22	QD00	SM Pembedahan Pergigian	29
<b>JUMLAH</b>		<b>1228</b>	



## PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

USIM melihat usaha pembangunan pelajar holistik merupakan satu agenda yang begitu penting dan ini diterjemahkan menerusi USIM KRA1 CAP7: Pembangunan Pelajar Holistik (HSD) yang diterajui oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI).

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Ujian Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S) kepada para pelajar IPT sebagai usaha menilai tahap kemahiran insaniah pelajar yang akan memberi impak terhadap Pembangunan Pelajar Holistik. Hasil dapatan kajian Ujian My3S 2012, pencapaian pelajar amat membanggakan dengan memperoleh skor 7.62 daripada 10 mata skor dan USIM menduduki tempat 10 universiti teratas.

USIM juga telah memperkenalkan Sistem ePKI (Penilaian Kemahiran Insaniah) yang dibangunkan secara dalaman oleh PPKI dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM). Instrumen ini dibangunkan untuk mengukur tahap kemahiran insaniah pelajar yang mana data ePKI ini dapat memberikan input penting kepada perancangan strategik pembangunan holistik pelajar. Menerusi instrumen ini juga USIM dapat mendidik pelajar agar memiliki kesedaran diri seterusnya berusaha untuk mempertingkatkan lagi kemahiran insaniah mereka dan mampu mencapai tahap penguasaan kemahiran insaniah seperti yang dikehendaki oleh My3S.



## MEMANTAPKAN KECEMERLANGAN SUKAN

Selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan IPT yang bertujuan melahirkan generasi atlet intelek yang seimbang dari segi pencapaian sukan dan pembangunan akademik, USIM telah memfokuskan empat acara sukan iaitu taekwando, boling padang, memanah dan pencak silat. Pencapaian atlet USIM sepanjang 2012 adalah amat membanggakan seperti berikut:

**Jadual 1.8 : Kejayaan Atlet**

BIL.	PASUKAN	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
1	Pasukan Seni Silat	Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), Pahang Acara Pencak Silat	1 pingat Gangsa Kategori Regu Puteri
		Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Universiti Asean Ke-3, 2012	1 pingat emas dan 1 perak.
		Kejohanan Pencak Silat Jemputan IPT dan Antarabangsa 2012	i) 1 pingat Emas Kategori Ganda Puteri ii) 1 pingat gangsa Kategori Olahraga Putera Kelas D
		Kejohanan Sukan MASUM 2012	i) 1 pingat emas Kategori Ganda Puteri ii) 1 pingat Perak Kategori Regu Puteri
		Festival dan Kejohanan Pencak Silat Terbuka IPT dan Jemputan Antarabangsa Taming Sari IV UKM 2012	1 pingat emas Kategori Ganda Puteri
2	Pasukan Taekwando	Kejohanan MASUM Siri 1	2 pingat gangsa
		Kejohanan MASUM Siri 2	1 pingat gangsa
		Kejohanan MASUM Siri 3	1 pingat perak dan 1 pingat gangsa
3	Pasukan Boling Padang	Kejohanan Boling Padang 1 Malaysia 2012 Piala YAB Menteri Besar Negeri Sembilan	Berjaya disertai sehingga ke peringkat suku akhir
		Kejohanan Sukan MASUM 2012	Johan Keseluruhan Pasukan Lelaki

Selain itu, seramai dua orang pelajar telah terpilih mewakili kontingen Malaysia dalam Kejohanan Sukan Universiti Asean 2012 yang diadakan di Laos dalam acara Pencak Silat bagi Kategori Silat Seni Ganda Puteri. Manakala bagi Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), Pahang tiga orang pelajar wanita telah terpilih untuk mewakili kontingen Selangor dalam acara Pencak Silat Kategori Seni Regu Puteri. Manakala seorang pelajar lelaki telah terpilih untuk mewakili kontingen Negeri Sembilan dalam acara menembak.

## MENGUKUHKAN HUBUNGAN INDUSTRI-UNIVERSITI

USIM telah mempunyai jalinan kerjasama dengan 659 syarikat di Malaysia dalam pelbagai sektor, antaranya sektor perbankan, pentadbiran, pendidikan, penyiaran, perundangan, pengilangan dan perniagaan. Program jalinan kerjasama itu tercapai menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), pengajuran program secara bersama, lawatan industri, latihan cuti sabatikal staf, dan penempatan pelajar latihan industri. Hubungan strategik USIM dengan industri sedikit sebanyak telah melonjakkan reputasi USIM serta meningkatkan kebolehpasaran graduan USIM di alam kerjaya.





# USIMKRA 2

PROGRAM PENGAJIAN YANG  
DIIKTIRAF DAN TERSOHOR PERINGKAT  
NEGARA DAN ANTARABANGSA

---



## **PROGRAM PENGAJIAN YANG DIIKTIRAF DAN TERSOHOR PERINGKAT NEGARA DAN ANTARABANGSA**

USIM berusaha untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pengajian yang diiktiraf dan tersohor di peringkat negara dan juga antarabangsa. Bidang keberhasilan ini amat penting untuk dicapai bagi menjadikan universiti ini dikenali dan dihormati melalui penawaran kursus pengajian yang berkualiti.

Berikut merupakan Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Penawaran Kursus bagi 2011 dan 2012:

**Jadual 2.1: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Penawaran Kursus 2011 dan 2012**

PENAWARAN KURSUS	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN)
	2011 BIL	2012 BIL	
PHD	11	11	<b>0.00</b>
Sarjana	14	15	<b>7.14</b>
Sarjana Muda	24	25	<b>4.17</b>
Diploma Siswazah	4	3	<b>(25.00)</b>
Tamhidi	5	5	<b>0.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>58</b>	<b>59</b>	<b>1.69</b>

Pada 2012 kesemua fakulti menawarkan 11 kursus di peringkat Doktor Falsafah iaitu jumlah yang sama ditawarkan pada 2011. Terdapat penambahan satu kursus masing-masing di peringkat Sarjana menjadi 15 kursus dan Sarjana Muda menjadi 25 kursus. Namun begitu, Diploma Siswazah telah mengurangkan penawaran satu kursus dan menjadikan pengurangan sebanyak 25% dalam penunjuk keberkesanan keseluruhan. Di peringkat Tamhidi pula, tiada perubahan jumlah penawaran kursus pada 2012 berbanding 2011 dengan jumlah penawaran sebanyak lima kursus.

## Pembelajaran dan Pengajaran (L&T)

USIM menetapkan KPI untuk penilaian ePembelajaran adalah sebanyak 80% dan pensyarah berjaya mencapai sasaran skor eNilai yang ditetapkan. Sepanjang 2012, penilaian telah dibuat meliputi dua sesi pengajian iaitu semester 2 2011/2012 dan semester 1 2012/2013 dengan pencapaian masing-masing 93.8% dan 97.4%. Pencapaian ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan berdasarkan data skor eNilai seperti dalam jadual berikut :

**Jadual 2.2 : Data Skor eNilai**

Sesi Akademik	Jumlah Pensyarah terlibat dengan L&T*	Bilangan Pensyarah mendapat skor $\geq 80\%$	Peratus Pencapaian
Sem. 2 2011/2012	598	561	93.8 %
Sem. 1 2012/2013	842	820	97.4 %

\* Meliputi Staf Akademik USIM dan Tenaga Pengajar Sambilan (TPS)

Penyertaan staf akademik dalam kursus/bengkel/seminar yang dianjurkan oleh Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP), Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOALS Cent) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) adalah seramai 297 orang iaitu bersamaan 52% berbanding jumlah staf akademik yang aktif pada 31 Disember 2012 berjumlah 571 orang.



Pada 2012 PIPP telah menganjurkan 44 kursus (termasuk kursus di bawah GOALS) kepada staf akademik USIM seperti dalam jadual berikut:

### **Jadual 2.3 : Takwim Latihan 2012**

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1	4/1/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Quiz
2	11/1/2012	Latihan Web 2.0 (Wallwisher)
3	1/12/2012	Taklimat Juruaudit Akademik Bagi Audit Akademik
4	18/1/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Assignment dan Forum
5	19/1/2012	Bengkel Verifikasi Data Setara II
6	26/1/2012	Bengkel Komunikasi Berpengaruh (Tip Tingkatkan Penyampaian dan Motivasi dalam Kuliah 2011)
7	2/8/2012	Program Forum Motivasi Pembacaan (Perkembangan Ilmu dalam Dunia Digital: Mengenali Bentuk dan Autoritinya)
8	2/8/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Quiz
9	15/2/2012	Latihan Web 2.0 (Google Form)
10	16/2/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Quiz
11	16/2/2012	Kursus Pembangunan Rubrik Bil. 1/2012
12	21/2/2012	Bengkel Pelaksanaan Assessment of Learning di Ipta
13	29/2/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Quiz
14	3/7/2012	Latihan Pertengahan Sistem GOALS - Online Assignment dan Forum
15	28/3/2012	GOALS Intermediate Training (Online Assignment And Forum)
16	4/4/2012	Latihan Web 2.0 (Wordle)
17	4/4/2012	GOALS Basic Training
18	10 - 13/04/2012	Bengkel Aplikasi Web 2.0 Bagi Kumpulan Pilot Project Mod Blended
19	18/04/2012	Latihan Asas GOALS
20	23/04/2012	Latihan Web 2.0 (Articulate & Prezi)
21	5/9/2012	GOALS Information Training (Online Quiz)
22	14 - 25/05/2012	Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bakal Bercuti Belajar Bil.1/2012
23	16/05/2012	Sesi Perkongsian Sistem Pengurusan Fail Pengajaran
24	16/05/2012	Latihan Web 2.0 Application Training (Jing)
25	23/05/2012	GOALS Intermediate Training (Online Assignment & Forum)

BIL	TARIKH	AKTIVITI
26	29- 31/05/2012	AKEPT Premier Programme On Transformational Leaders
27	1/06- 30/08/2012	Program Sangkutan Di SME Corp. Malaysia, Kuala Lumpur
28	18/06 - 30/08/2012	Program Sangkutan di Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Open University Malaysia
29	26-27/06/2012	Training for Master Trainers-Learning Assessment
30	7-28/06 & 23/07- 2/08/2012	Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran Kakitangan Akademik
31	25/07/2012	Latihan Pertengahan Sistem E-Pembelajaran GOALS - Online Quiz
32	30/07/2012	Latihan Pertengahan Sistem E-Pembelajaran GOALS - Online Quiz
33	01/08/2012	Kursus Lanjutan Reka Bentuk Kurikulum Berteraskan Outcome Based Education (OBE)
34	08 - 10/08/2012	Latihan Intensif Bagi Peserta Pilot Projek Mod Blended Siri II
35	14/09/2012	Bengkel Pembangunan Akademik II
36	28/09/2012	Kursus Master Trainers Kajian Kes Bagi Staf Akademik USIM Bil.1/2012 ~Siri I
37	17/10/2012	Kursus Penyediaan Soalan Bil.1/2012
38	18/10/2012	Kursus Penaksiran Soalan Bil.1/2012
39	23 - 24/10/2012	Kursus Penilaian Afektif dan Kognitif Bil.1/2012
40	11/1/2012	Kursus Action Research
41	11/9/2012	Kursus Master Trainers Kajian Kes Bagi Staf Akademik USIM Bil.1/2012 ~Siri III
42	16/11/2012	Kursus Master Trainers Kajian Kes Bagi Staf Akademik USIM Bil.1/2012 ~Siri II
43	21/11/2012	Kursus Master Trainers Kajian Kes Bagi Staf Akademik USIM Bil.1/2012 ~Siri IV
44	11-13/12/2012	Case Teaching and Research Seminar 2012

Impak yang diperoleh daripada kursus-kursus ini adalah kualiti pembelajaran dan pengajaran telah dapat dipertingkatkan seiring dengan tahap kompetensi staf akademik yang semakin meningkat. Hasilnya, skor penilaian untuk pensyarah telah melebihi 90% berbanding KPI yang disasarkan iaitu 80%.

## Jaminan Kualiti (Akademik)

USIM mensasarkan KPI untuk mencapai melebihi Tier 4 dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA'11). Walau bagaimanapun, USIM berjaya mencapai Tier 5 (Cemerlang) dalam SETARA'11 dan pencapaian Tier 3 (Baik) bagi Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Discipline-Based Rating System*, D-SETARA) untuk bidang Pengajian Perubatan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang telah dilaksanakan pada Mac 2012.

Penyediaan data dan dokumen sokongan oleh PIPP bagi SETARA'11 dan D-SETARA bermula Januari hingga Mac 2012. Penyerahan data dan dokumen sokongan bagi SETARA'11 ke MQA dilakukan pada 15 Mac 2012 manakala penyerahan data dokumen sokongan bagi D-SETARA'11 pada 13 April 2012.

Beberapa program USIM di peringkat Sarjana Muda telah menampakkan impak positif melalui pengiktirafan dalam bentuk akreditasi dan kelayakan oleh badan-badan pemantau iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Pergigian Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Berikut adalah senarai program yang mendapat pengiktirafan daripada badan-badan tersebut.

- Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang telah memperolehi Akreditasi oleh MQA pada 3 Julai 2012 bermula dari tarikh akreditasi pada 25 September 2010.
- Program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian telah memperolehi Akreditasi MQA dan Majlis Pergigian Malaysia pada 10 Januari 2012 bermula dari tarikh akreditasi pada 16 April 2012 hingga 15 April 2015.
- Dua program Sarjana Muda telah mendapat pengiktirafan kelayakan daripada JPA pada Disember 2012 dan telah tersenarai dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) sebagaimana berikut:
  - Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian (JPA (L)S. 180/8/1-96 Klt.9(4) - 24/09/2012 bertarikh 3 Oktober 2012)
  - Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian (JPA (L)S. 180/8/1-96 Klt.9(5) - 24/09/2012 bertarikh 3 Oktober 2012)

USIM terus mengembangkan program akademik peringkat pascasiswazah dari semasa ke semasa. Sebanyak empat program baharu Sarjana dalam mod campuran ditawarkan mulai Sesi Akademik 2012/2013 iaitu:

- Sarjana Sains (Sains Aktuari)
- Sarjana Sains (Matematik Kewangan)
- Sarjana Sains (Pengurusan Risiko)
- Sarjana Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)



**SISTEM PENARAFAN DISIPLIN PENGAJIAN**  
**D-SETARA**  
DISCIPLINE-BASED RATING SYSTEM



Sistem Penarafan Disiplin Pengajaran (*Discipline-Based Rating System*, D-SETARA) mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama) dalam disiplin pengajaran tertentu di universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Instrumen D-SETARA meliputi tiga domain generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Domain input menilai bakat sumber dan governan. Domain proses menumpukan kepada kurikulum dan domain output ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajaran tinggi. Struktur keseluruhan instrumen boleh diakses di <<http://www.mqa.gov.my/DSETARA>>.

D-SETARA mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tier) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan Tier 1 sebagai yang paling rendah (Lemah). Berikut merupakan senarai penuh keputusan D-SETARA, mengikut susunan abjad:

HOSPITALITI DAN PELANCONGAN	
NAMA INSTITUSI	TIER
MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY	5
SUNWAY UNIVERSITY	5
TAYLOR'S UNIVERSITY	6
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	3
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	5
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	4

**JAWATANKUASA D-SETARA (HOSPITALITI DAN PELANCONGAN)**  
D-SETARA (Hospitaliti dan Pelancongan) telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh MQA, yang terdiri daripada:  
**Badaruddin Mohamed** (Universiti Sains Malaysia) (Pengerusi)  
**Abd Azis Abd Majid** (Universiti Teknologi MARA)  
**Abdul Hamid Abdullah** (Mantan Dekan, Sekolah Pengurusan Pelancongan, Berjaya University College of Hospitality)  
**Rohizan Zainal** (Rabbani Travel & Tours Sdn. Bhd./Mantan Presiden TEAM)  
**Allahyarham Muhamad Muda** (Taylor's University)

PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI	
NAMA INSTITUSI	TIER
AIMST UNIVERSITY	4
CYBERJAYA UNIVERSITY COLLEGE OF MEDICAL SCIENCES	4
INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY	4
MONASH UNIVERSITY SUNWAY CAMPUS	4
UCSI UNIVERSITY	3
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	4
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	4
UNIVERSITI MALAYA	5
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	4
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	4
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	4
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	3
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	4
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	4

**JAWATANKUASA D-SETARA (PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI)**  
D-SETARA (Perubatan, Pergigian dan Farmasi) telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh MQA, yang terdiri daripada:  
**Mohd Amin Jalaludin** (Universiti Malaya) (Pengerusi)  
**Kenneth Lee Kwing Chin** (Monash University Sunway Campus)  
**Shaharuddin Mohd** (Cyberjaya University College of Medical Sciences)  
**Tuti Ningseh Mohd Dom** (Universiti Kebangsaan Malaysia)  
**Zabidi Azhar Mohd Hussin** (Universiti Sains Malaysia)

KEJURUTERAAN	
NAMA INSTITUSI	TIER
CURTIN UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS (kini dikenali sebagai Curtin University, Sarawak Malaysia)	5
KUALA LUMPUR INFRASTRUCTURE UNIVERSITY COLLEGE (kini dikenali sebagai Infrastructure University Kuala Lumpur)	4
MONASH UNIVERSITY SUNWAY CAMPUS	5
MULTIMEDIA UNIVERSITY	5
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS	4
THE UNIVERSITY OF NOTTINGHAM MALAYSIA CAMPUS	4
UCSI UNIVERSITY	4
UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR	4
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	4
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	4
UNIVERSITI MALAYA	4
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	4
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	5
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	4
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	4
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	3
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	5
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	5
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	4
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	5
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	5
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS	5
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	5
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	4
UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	5

**JAWATANKUASA D-SETARA (KEJURUTERAAN)**  
D-SETARA (Kejuruteraan) telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh MQA, yang terdiri daripada:  
**Zainal Abidin Ahmad** (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) (Pengerusi)  
**Abdul Wahab Mohammad** (Universiti Kebangsaan Malaysia)

SAINS KESIHATAN	
NAMA INSTITUSI	TIER
INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY	5
MANAGEMÉNT & SCIENCE UNIVERSITY	5
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA	3
TWINTECH INTERNATIONAL UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY	4
UCSI UNIVERSITY	4
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	5
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	4
UNIVERSITI MALAYA	5
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	3
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	4
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	5
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	4
UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	4

**JAWATANKUASA D-SETARA (SAINS KESIHATAN)**  
D-SETARA (Sains Kesihatan) telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh MQA, yang terdiri daripada:  
**Peter Pook Chuen Keat** (International Medical University) (Pengerusi)  
**Azrin Esmady Ariffin** (SEGi University)  
**Ho Siew Eng** (Universiti Kebangsaan Malaysia)  
**Nik Mazlan Mamat** (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)  
**Yang Faridah Abdul Aziz** (Universiti Malaya)

JAWATANKUASA D-SETARA	
Pelaksanaan D-SETARA telah dipandu oleh satu jawatankuasa induk yang	



SISTEM PENARAFAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA 2011  
**SETARA '11**  
2011 RATING SYSTEM FOR MALAYSIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS



Sistem Penarafan Institusi Pengajaran Tinggi Malaysia 2011 (SETARA '11) mengukur **kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama)** bagi universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Instrumen SETARA '11 meliputi tiga domain generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Domain input menilai bakat, sumber dan governan. Domain proses menumpukan kepada kurikulum dan domain output ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajaran tinggi. Struktur keseluruhan instrumen boleh diakses di <<http://www.mqa.gov.my/SETARA11>>.

SETARA '11 mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tiers) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan Tier 1 sebagai yang paling rendah (Lemah). Berikut merupakan senarai penuh keputusan SETARA '11, mengikut susunan abjad:

TIER 6: TERBILANG		TIER 4: SANGAT BAIK	
KOD	NAMA INSTITUSI	KOD	NAMA INSTITUSI
<b>TIER 5: CEMERLANG</b>		<b>TIER 4: SANGAT BAIK</b>	
2	ASIA PACIFIC UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY AND INNOVATION (kini dikenali sebagai Asia Pacific University of Technology and Innovation)	2	AIMST UNIVERSITY
2	BINARY UNIVERSITY COLLEGE OF MANAGEMENT AND ENTREPRENEURSHIP (kini dikenali sebagai Binary University of Management and Entrepreneurship)	2	HELP UNIVERSITY
2	CURTIN UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS	2	INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY
2	CYBERJAYA UNIVERSITY COLLEGE OF MEDICAL SCIENCES	2	KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
2	INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY	2	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
2	KUALA LUMPUR INFRASTRUCTURE UNIVERSITY COLLEGE (kini dikenali sebagai Infrastructure University Kuala Lumpur)	2	KUALA LUMPUR METROPOLITAN UNIVERSITY COLLEGE
2	MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY	2	TATI UNIVERSITY COLLEGE
2	MONASH UNIVERSITY SUNWAY CAMPUS	2	TWINTECH INTERNATIONAL UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY
2	MULTIMEDIA UNIVERSITY	2	UCSI UNIVERSITY
2	NILAI UNIVERSITY COLLEGE (kini dikenali sebagai Nilai University)	2	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR
2	OPEN UNIVERSITY MALAYSIA (ODL)	1	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2	SEGI UNIVERSITY COLLEGE (kini dikenali sebagai SEGi University)	1	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2	SUNWAY UNIVERSITY	1	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2	SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS	1	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2	TAYLOR'S UNIVERSITY	1	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
1	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	1	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
1	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	<b>TIER 3: BAIK</b>	
2	UNIVERSITI KUALA LUMPUR	KOD	NAMA INSTITUSI
1	UNIVERSITI MALAYA	1	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
1	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	<b>TIER 2: MEMUASKAN</b>	
1	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	<b>TIER 1: LEMAH</b>	
1	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	<b>KLASIFIKASI KOD</b>	
1	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	1	Institusi Awam
1	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	2	Institusi Swasta
1	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	ODL	Institusi Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh ( <i>Open and Distance Learning Institution</i> )
1	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	<b>JAWATANKUASA SETARA '11</b>	
1	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	SETARA '11 telah dilaksanakan oleh lima jawatankuasa yang dilantik oleh MQA, yang terdiri daripada :	
2	UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS	<b>Mohamad Jantan</b> (Universiti Sains Malaysia) (Pengerusi) <b>Hazman Shah Abdullah</b> (Universiti Teknologi MARA) <b>Walter Wong</b> (INTI International University) <b>Arfah Salleh</b> (Putra Business School) <b>Sharifah Norul Akmar Syed Zamri</b> (Universiti Malaya)	
2	UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	<b>JAWATANKUASA VERIFIKASI SETARA '11</b>	
2	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK	Satu Jawatankuasa Verifikasi bebas telah ditubuhkan untuk SETARA '11 bagi meneliti instrumen dan proses penarafan yang digunakan serta kesahihan data yang dikemukakan oleh institusi pengajaran tinggi.	



# USIMKRA 3


MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA  
MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN  
PENDETA YANG TERSOHOR

---



## MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN PENDETA YANG TERSOHOR

USIM bertekad membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta yang tersohor melalui aktiviti penerbitan, penyelidikan, persidangan, khidmat kepakaran, penempatan staf akademik dan pembangunan pusat kecemerlangan. Terdapat lima CAP yang mendukung objektif USIMKRA3 iaitu, CAP 1 – Academia, CAP 2 – Center of Excellence, CAP 8 – Industry Academia, CAP 13 – MyBrain15 dan CAP 15 – Research and Development.




Rajah 3.1 –CAP di bawah USIMKRA3

## AKADEMIA

Penubuhan CAP Akademia adalah untuk meningkatkan kualiti profesionalisme di kalangan ahli akademik serta menyemarak dan mengukuhkan budaya intelektual dan kesarjanaan. Bagi mendukung objektif ini, beberapa pelan perancangan telah dirangka dan aktiviti yang boleh meningkatkan sasaran KPI dijalankan sepanjang 2012.

### Khidmat Kepakaran

USIM menasarkan lebih daripada 5% bilangan staf akademik diiktiraf secara profesional dalam pelbagai peringkat sama ada dalam negara dan peringkat antarabangsa. Antara *key activities* bagi USIMKRA3 adalah Projek Top International Faculties, Projek Think Tank Negara, dan Projek Juara Masyarakat. Bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti ini, staf akademik aktif perlu dalam persatuan-persatuan akademik dan badan-badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, kepakaran staf akademik juga menjadi pakar rujuk oleh organisasi dan pertubuhan lain.



**Rajah 3.2 – Bilangan Staf Akademik Yang Terlibat Dalam Tiga Projek Utama CAP Akademia**

KPT turut menetapkan KPI yang perlu dijadikan kayu ukuran oleh USIM untuk mencapai objektif CAP Akademia. Antara KPI yang telah digariskan oleh KPT dan pencapaian USIM pada 2012 adalah seperti berikut.

### Jadual 3.1 – Senarai Sasaran dan Pencapaian CAP Akademia

BIL	PENUNJUK KECEKAPAN	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Bilangan staf akademik yang dilantik secara berganda (double/dual appointment)	40	73
2	Bilangan majlis ilmu bertaraf kebangsaan dan antarabangsa berasaskan bidang ilmu	8	13
3	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	25	38
4	Bilangan staf akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	18	9
5	Bilangan staf akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	3
6	Bilangan staf akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa	5	8
7	Bilangan jemputan yang diterima oleh staf akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	10	2

Bagi meningkatkan bilangan pensyarah yang dilantik secara berganda, jawatan-jawatan khas pentadbiran dibuka lebih banyak kepada staf akademik untuk menguruskan PTJ di USIM. Antara jawatan khas pentadbiran adalah seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan (Penyelidikan & Inovasi dan Pusat Pengurusan Siswazah), Timbalan Dekan (Pusat Pengurusan Siswazah), Pengarah, Timbalan Pengarah, Penyelaras dan Penyelidik Bersekutu.



Rajah 3.3 – Bilangan Pelantikan Berganda Ahli Akademik Mengikut Kategori

Dengan sasaran sebanyak lapan majlis ilmu, USIM telah berjaya menganjurkan 13 majlis ilmu yang diterajui oleh fakulti dan pusat-pusat kecemerlangan. Antara majlis ilmu yang dianjurkan adalah persidangan/seminar peringkat kebangsaan dengan kerjasama institusi akademik. Penganjuran majlis ilmu ini secara tidak langsung dapat menambahkan kemahiran profesionalisme staf akademik.

Pada 2012, USIM telah mencapai sasaran tiga orang staf akademik dilantik sebagai profesor adjung atau profesor pelawat. Mereka yang telah dilantik seperti berikut:

### **Jadual 3.2 – Senarai Ahli Akademik yang Dilantik Sebagai Profesor Pelawat dan Felo Pelawat**

BIL.	NAMA	LANTIKAN	BIDANG KEPAKARAN	TEMPAT
1.	Profesor Dato' Dr. Mohammad Haji Alias	Profesor Pelawat	Ekonomi	Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI), Faculty of Business and Management, Kuala Lumpur
2.	Profesor Madya Dr. Ismail Abdullah	Profesor Pelawat	Sains Matematik	Universitas Indonesia, Kampus Depok, Indonesia
3.	Dr. Amir Shaharuddin	Felo Pelawat	Kewangan Islam	Oxford Centre for Islamic Studies, George Street, Oxford, United Kingdom

Pelantikan ini membuktikan bahawa staf akademik USIM mempunyai kepakaran yang telah dikenal pasti oleh agensi luar sama ada dalam dan luar negara. Pelantikan staf akademik ini sedikit sebanyak telah menaikkan nama USIM di persada dunia.



## PROJEK PENERBITAN ULUNG

Bahagian Penerbitan (BP) merupakan PTJ yang bertanggungjawab dalam mengurus terbitkan buku-buku terbitan USIM selain dibantu oleh pihak fakulti dan CoE sendiri. Buku terbitan USIM mengintegrasikan antara ilmu aqli dan naqli dengan pelbagai genre buku seperti ilmiah, teks, modul dan juga jurnal.

Berikut merupakan Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Penerbitan di USIM bagi 2011 dan 2012:

**Jadual 3.3: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Penerbitan 2011 dan 2012**

PENERBITAN	PENUNJUK KECEKAPAN	
	2011	2012
	BIL	BIL
Buku Ilmiah	34	32
Buku Teks/Modul	18	25
Jurnal	1	4
<b>JUMLAH</b>	<b>53</b>	<b>61</b>

Terdapat tiga kategori penerbitan akademik yang telah diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan iaitu buku ilmiah, buku teks/modul dan jurnal.



### Jadual 3.4: Senarai Buku Ilmilah 2012

BIL	TAJUK
1	Dari Sungai Pahang Ke Sungai Nil - Menongkah Arus Meneraju Menara Gading - Biografi Abdul Shukor Hj. Husin
2	Islam Dan Penjagaan Kesihatan Siri 1: Gaya Hidup Sihat dan Pencegahan Penyakit Secara Am
3	Keengganan Membayar Zakat Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia
4	History Of Truth - The Truth About God and Religion Vol.1 In Search Of God
5	Al-Fikru As-Sufi Bayna As-Syatibi Wa Ibnu Khaldun
6	Al-Awamil Al-Muassarah Fi Ta'lim Al-Lughat Al-Ajnabiyyah Wa Turuq Tadris Al-Maharat Al-Lughawiyat Al-Arabiyyah
7	Zayd Bin Thabit R.A. Ilmuhan Sahabat dalam Faraid
8	History Of Truth - The Truth About God and Religion Vol.2 Comparative Religions
9	Pemikiran Muhammad Al-Ghazali dalam Bidang Al-Quran dan Al-Sunnah
10	Autobiography of An Azharite American : From The Nile To The Potomac
11	Marwiyat Wahab Bin Munabbah Fi Tafsir Al-Tabari : Dirasah Naqdiah
12	Introduction To Islamic Institutions In Economics and Finance
13	Imitation In Second Language Acquisition and Development
14	Yusuf Al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia
15	Malaysian Oil Palm Industry Contribution, Challenges and Future Prospects
16	Al-Hakam Wal Fatawa As-Syariah Baynas Thabat Wa Taghalyur
17	Al-Tafsir Al-Maudui Wa Manhaj Al-Islam Fi Maulajah Al-Khilaf Bayna Az-Zaujanini
18	An-Namuzaq At-Tatbiqiyyah Lil Mufradat Al-Maliziyah Al-Musta'arah Minal Lughah Al-Arabiyyah (Madkhal Jadid Li Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah)
19	English For Daees - Politeness Strategy In Da'wah: Using Conditionals In Islamic - Da'wah Context
20	Nikah Sindiket di Malaysia
21	Jalan Menuju Allah - Bingkisan Syeikh Yusuf Al-Taj Al-Khalwaty di Ceylon
22	History Of Truth : The Truth About God and Religions (3): The Bible
23	A Guide To Effective Teaching
24	Islam dan Wasatiyyah
25	Governance and Syariah Audit In Islamic Finance Institution
26	History of Truth: The Truth About God & Religions (4): Islam The Divine Miracle
27	Konsep dan Aplikasi Diyat dalam Perundangan Islam
28	Rumpun Melayu Teori Migrasi dan Diaspora

### Jadual 3.5 – Senarai Buku Teks/Modul 2012

BIL	TAJUK
1	Kaedah Pengajaran Jawi - EAA2013 [PPG]
2	Writing Skills - ECA2043 [PPG]
3	Reading – ECA1043 [PPG]
4	Laboratory Manual Chemistry I – TMS 0424
5	Ulam Hadith QAA 1022 [PPG]
6	Fiqh Al-Jinayat LBA 3023 [PPG]
7	Ulmu Tajwid - QBA 2012 [PPG]
8	Muzakkirat Tamhidiyah: Al-Mabadik Al-Fiqhiyyah
9	Akidah Islam - AAA 1012 [PPG]
10	Al-Muyassar Fi-Ilmi Usul Al-Fiqh
11	Qiraah Nassiyah Fi Al-Turus Al-Islamic
12	Tatbiqat Sarfiyyah BAA 2033 [PPG]
13	Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah [PPG]
14	Business Accounting
15	Fiqh Al Islami II [PPG]
16	Materials Development For The Language Classroom [PPG]
17	ELT & The School Curriculum [PPG]
18	Pengajian Hadis [PPG]
19	Sejarah dan Tamadun Islam [PPG]
20	Kemahiran Al-Quran [PPG]
21	Ulam Al-Quran [PPG]
22	Kaedah Mengajar Al-Quran [PPG]
23	Al-Khulasah Fi Fiqh Al-Mawaris Wal Wasiyyah Wal Waqaf



### Jadual 3.6 – Senarai Jurnal

BIL	TAJUK
1	Ulum Islamiyyah Vol. 8 (June) 2012
2	Journal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Vol.2, 2011
3	Al'Abqari ~ Journal of Islamic Sosial Sciences And Humanities Vol.1,2011
4	Ulum Islamiyyah Vol. 9 (December) 2012



### Jadual 3.7 – Senarai Buku Terbitan Fakulti

BIL	TAJUK
1	FKP - Kepimpinan dan Pengurusan Dakwah, Media dan Ilmu
2	FPBU - Essays and Studies on The Teaching of A Second Language
3	FKP - Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 4
4	FKP - Akidah Ahl Al-Aunnah wa Al-Jamaah di Malaysia: Cabaran dan Isu Kontemporari
5	FKP - Buku Prosiding - ICIL Ke-2 (2012)

USIM komited untuk mengindeks jurnal dalam ISI/SCOPUS dengan menambahkan bilangan kekerapan penerbitan jurnal 'Ulum Islamiyyah dan dalam masa yang sama juga terdapat peningkatan penerbitan jurnal daripada fakulti. Bagi mencapai sasaran Penerbitan Jurnal Berimpak, sebanyak 32 artikel jurnal staf akademik telah tersenarai dalam indeks ISI/SCOPUS.

## Bengkel

### Jadual 3.8: Senarai Bengkel Anjuran Penerbit

BIL.	BENGKEL	TARIKH	MISI	TEMPAT
1.	Bengkel Pemindahan Tesis ke Buku	4-5 Julai 2012	Bengkel anjuran BP untuk pendedahan teknik penulisan berkualiti kepada staf akademik USIM	BP/ Bilik Seminar PPS
2.	Bengkel & Taklimat Penulisan	20 September 2012	Memberi taklimat mengenai proses-proses penerbitan	Kampus Pandan Indah
3.	Bengkel Pemurnian Penulisan	1-2 November 2012	Pemurnian manuskrip oleh penulis bersama fasilitator	Bilik Seminar PPS
4.	Bengkel Terjemahan Buku USIM's Handbook for Academic Writing	7 November 2012	Bengkel terjemahan dan pemurnian buku USIM's Handbook ke dalam Bahasa Arab	Hotel Nilai Springs



## Anugerah dan Pencapaian

### Jadual 3.9: Senarai Anugerah Penerbitan

BIL.	NAMA ANUGERAH	PENGARANG	TAJUK
1.	Anugerah Penerbitan – Karya Asli Terbaik Buku (Kategori Sains Sosial) Anugerah Kualiti USIM 2012	Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali	Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir
2.	Anugerah Penerbitan – Karya Asli Terbaik Buku (Kategori Sains Teknologi) Anugerah Kualiti USIM 2012	Prof. Dr. Siva Achanna, Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Bin Nik Ismail, Prof. Dr. Methil Kannan Kutty	Dysfunctional Uterine Bleeding : Current Concepts
3.	Anugerah Penerbitan – Karya Asli Terbaik Makalah (Kategori Sains Sosial) Anugerah Kualiti 2012	Puan Salhah Abdullah, Prof. Madya Dr. Saedah A. Ghani	Cognitive Distortion, Depression and Self-Esteem Among Adolescents Rape Victims
4.	Anugerah Penerbitan – Karya Asli Terbaik Makalah (Kategori Sains Teknologi) Anugerah Kualiti 2012	Dr. Zairina A. Rahman, Prof. Dr. Nooriah Mohamed Salleh, Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah	Knowledge and Practices Towards Influenza A (H1N1) Among Adults in Three Residential Areas in Tampin N.Sembilan


## Aktiviti Pemasaran

Pada 2012, Bahagian Penerbitan USIM telah menggiatkan promosi buku terbitan USIM dengan menyertai 40 pameran yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta serta dua pameran luar negara. Pameran yang telah disertai oleh USIM seperti berikut:

### Jadual 3.10: Senarai Promosi Penerbit USIM

BIL	NAMA PAMERAN/ AKTIVITI/ PROMOSI/ LAWATAN KERJA	TARIKH PROGRAM	PENGANJUR/ TEMPAT PROGRAM
1	Pameran Buku UMT	9-12 Januari 2012	UMT/ Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
2	Karnival Jualan Buku USIM	16-19 Januari 2012	Koperasi USIM/Perpustakaan
3	Ekspo Buku 1Malaysia 2012	1-6 Februari 2012	Yayasan Pembangunan Buku Negara/PWTC, Kuala Lumpur
4	Pesta Buku Utara 2012, UUM	19-23 Februari 2012	UUM/Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM
5	Pesta Buku USM 2012	20-23 Februari 2012	USM/ Foyer Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM
6	Pesta Buku UTM 1Malaysia 2012	29 Feb – 3 Mac 2012	UTM/ Dewan Sultan Iskandar UTM

BIL	NAMA PAMERAN/ AKTIVITI/ PROMOSI/ LAWATAN KERJA	TARIKH PROGRAM	PENGANJUR/ TEMPAT PROGRAM
7	Karnival Jom Masuk 'U'	3-4 Mac 2012	KPT & USIM/ Dataran Kemang, Port Dickson
8	Karnival Buku Akademik 1Malaysia USIM	5-9 Mac 2012	USIM/ Foyer Fakulti Kepimpinan & Pengurusan USIM
9	Pameran sempena International Syariah and Common Law Seminar 2012	6-7 Mac 2012	FSU/ DKP 3
10	Pesta Buku UiTM	15-17 Mac 2012	UiTM/ UiTM Shah Alam
11	Pesta Buku UPM 2012	20-23 Mac 2012	UPM/ Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
12	Jualan Buku Pengajian Tinggi UKM 2012	27-30 Mac 2012	UKM/ Dataran Canselori UKM
13	Pameran dan Jualan Buku sempena Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa 2012	12 April 2012	JAKIM, INFAD, FSU/DKP3
14	Menyertai Pusat Dagangan Hak Cipta Kuala Lumpur 2012	25-27 April 2012	MBKM/ PWTC
15	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 (PBAKL)	26 April – 6 Mei 2012	MBKM/ PWTC
16	Pameran dan Jualan Buku sempena Seminar Kebangsaan Pencegahan & Penyalahgunaan Dadah (PREVENT 2012)	2-3 Mei 2012	FKP & ACREDA/ DKP 3
17	Kembara Ilmu INTAN	17-18 Mei 2012	INTAN/ INTAN, Bukit Kiara





BIL	NAMA PAMERAN/ AKTIVITI/ PROMOSI/ LAWATAN KERJA	TARIKH PROGRAM	PENGANJUR/ TEMPAT PROGRAM
18	Pameran dan Jualan Buku sempena Seminar Kesihatan, FPSK	19-20 Mei 2012	FPSK/ Hotel Istana
19	Jualan Buku Teks Tamhidi	25 Mei 2012	Pusat Tamhidi/ DKP 1
20	Pesta Buku JAS	30-31 Mei 2012	JAS/ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
21	Pameran and Jualan sempena Regional Conference on Cross-Cultural Communication and National Integration 2012	19-21 Jun 2012	UPNM/ Hotel Palace of The Golden Horses
22	Pameran dan Jualan Buku sempena Konvensyen Kebangsaan Intervensi Kaunseling Krisis dan Trauma	2-3 Julai 2012	USIM & JPW/ DKP3
23	Menyertai Tokyo International Book Fair 2012	3-10 Julai 2012	ITBM/ Pusat Konvensyen Tokyo Big Spot
24	Pameran dan Jualan sempena Debat Bahasa Arab Antara Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan dan Jemputan Nusantara 2012	9-10 Julai 2012	USIM/DKP3
25	Pameran dan Jualan Buku Sempena Hari Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2012/2013	1 September 2012	Stadium Tertutup Nilai
26	Jualan Buku Sapphire kepada Pelajar Baru Sesi 2012/2013	8 September 2012	DKP3
27	Jualan Buku Teks di Kampus Pandan Indah	13 September 2012	Kampus Pandan Indah

BIL	NAMA PAMERAN/ AKTIVITI/ PROMOSI/ LAWATAN KERJA	TARIKH PROGRAM	PENGANJUR/ TEMPAT PROGRAM
28	Jualan Buku Penerbit USIM	17-21 September 2012	Foyer FKP
29	Pameran dan Jualan sempena Seminar Pengajian Akidah Peringkat Kebangsaan	22 September 2012	FKP/ Foyer FKP
30	Pesta Buku UPSI	24-29 September 2012	UPSI/ Dewan SITC UPSI
31	Ekspo Buku Islam 3 Pahang	26 Sept– 2 Oktober 2012	Sinergi Ilmu/ Atrium 2, Kuantan Parade
32	Pameran dan Jualan sempena International Conference on Islamic Leadership-2 (ICIL-2)	26-27 September 2012	FKP & AKEPT/ Hotel Royale Chulan, KL
33	Pameran dan Jualan sempena Seminar Sains Islam Peringkat Kebangsaan	29 September 2012	FST/ DKP3
34	Pameran dan Jualan sempena Islamic Banking, Accounting & Finance Conference (iBAF 2012)	2-3 Oktober 2012	FEM/ Foyer FEM
35	Pameran dan Jualan sempena Arab-Malaysian Global Higher Education Summit 2012 (AMGHES 2012)	4-5 Oktober 2012	USIM & AKEPT/ Hotel Marriot, Putrajaya
36	Ekspo Jualan Buku Putrajaya	8-14 Oktober 2012	Sinergi Ilmu/ Perbadanan Putrajaya
37	Pameran dan Jualan sempena Muzakarah Pakar Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa	24-25 Oktober 2012	INFAD/ Dewan Senat USIM
38	Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat KPT	29 Oktober – 1 November 2012	KPT/Tingkat Bawah KPT
39	Indonesia Rights Fair 2012	17-19 November 2012	IKAPI/ Istora Gelora Bung Karno, Jakarta
40	Pameran dan Jualan sempena Language and Education Conference 2012	21-22 November 2012	FPBU/ DKU, FPQS USIM
41	Pesta Buku Akademik UM	26 November – 1 Disember 2012	UM/ Dataran Satera UM
42	Pameran dan Jualan sempena Seminar Warisan Nabawi Kali Ketiga SWAN 2012	28-29 November 2012	FPQS/ DKU, FPQS USIM

## CENTER OF EXCELLENCE

### Pembangunan Pusat-Pusat Kecemerlangan

USIM sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu serta kecemerlangan terutama dalam penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. Oleh itu sebanyak enam CoE iaitu Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Akademi Permata Insan (API) dan Institut Kefahaman Quran dan Braille (IQ) telah ditubuhkan. Antara aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan adalah seperti di bawah:

#### Projek Pembinaan Daya Upaya (Capacity Building)

#### Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Pada 2012, INFAD telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang bersesuaian dengan *tag line* INFAD iaitu Pemasyarakatan Fatwa. Antara program dan aktiviti yang dijalankan oleh INFAD mengikut USIMKRA3 adalah seperti berikut:

#### Jadual 3.11 – Senarai Projek Pembinaan Daya Upaya INFAD

BIL	AKTIVITI	TARIKH	IMPAK
1	Lawatan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Canselor USIM Tempat : Perpustakaan USIM	25 Januari 2012	Memperkenalkan INFAD kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Canselor USIM dan rombongan maklumat dan peranan INFAD sebagai salah satu daripada Pusat Kecemerlangan USIM
2	Majlis Pelancaran Biografi Profesor Emeritus Buku Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin - Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil – Menongkah Arus Meneraju Menara Gading Disempurnakan oleh: Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang	31 Januari 2012	Memperkenal dan mempromosi INFAD kepada pihak luar  INFAD terlibat secara rasmi sebagai AJK dan urus setia sepanjang perjalanan majlis yang juga turut melibatkan tetamu/Kerabat Diraja Pahang.
3	Kunjung Hormat Delegasi INFAD ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)	22 Februari 2012	Tujuan lawatan adalah untuk perkongsian serta perbincangan berkaitan skop hubungan dan kerjasama dalam bidang berkaitan penyelidikan atau perundingan  Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) menyatakan hasrat dan minat untuk bekerjasama khususnya dalam bidang penyelidikan.

4	Lawatan sambil belajar Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor ke INFAD	13 Mac 2012	Tujuan lawatan adalah untuk perkongsian serta perbincangan berkenaan skop hubungan dan kerjasama khususnya dalam bidang berkaitan penyelidikan  Pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor menyatakan hasrat dan minat untuk bekerjasama dengan INFAD khususnya berkaitan penyelidikan.
5	Latihan Pemantapan Laman Web INFAD	20 Mac - 15 Jun 2012	Memantapkan pengurusan laman web INFAD ke arah mengangkat INFAD sebagai pusat rujukan fatwa yang terkehadapan dari aspek bidang penyelidikan dan teknologi yang berkaitan pengurusan fatwa.
6	Latihan Sistem Pengurusan Fatwa (FMS)	3 April 2012	Kursus atau latihan yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun ini diadakan untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada staf INFAD dalam mengurus dan mengemaskini Sistem Pengurusan Fatwa (FMS).
7	Bengkel Retreat dan Teambuilding Staf CoE Tempat: Suria Cherating Beach Resort, Kuantan Pahang	12 – 14 Mei 2012	Bengkel diadakan untuk memberi pemahaman dan penghayatan kepada penubuhan dan fungsi setiap Pusat Kecemerlangan serta peranan semua individu dapat ditingkatkan dalam usaha untuk mencapai taraf HICoE menjelang tahun 2015.
8	Penubuhan Pusat Sumber INFAD	2 Januari - 31 Disember 2012	Perkhidmatan sepanjang tahun kepada pelajar, penyelidik dan pengunjung luar untuk mendapatkan maklumat berkaitan koleksi fatwa tempatan dan antarabangsa.
9	Penubuhan Makmal ICT INFAD	2 Januari - 31 Disember 2012	Menyedia perkhidmatan sepanjang tahun kepada pelajar, pensyarah atau penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan fatwa dan hukum semasa secara dalam talian.  Ia juga digunakan sebagai tempat latihan ICT, FMS dan Laman Web INFAD kepada kakitangan INFAD
10	Lawatan ke Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM	8 Ogos 2012	Perbincangan berkaitan kerjasama penyelidikan dan lain-lain
11	Lawatan delegasi Accounting Research Institute (ARI), UiTM ke INFAD	17 Disember 2012	Lawatan ini diadakan untuk sesi perkongsian berkaitan pengiktirafan HICoE dan penyelidikan. Pihak INFAD dan ARI juga bersetuju untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat terutama kerjasama dalam bidang penyelidikan dan yang berkaitan di masa akan datang.

12	Bengkel Penerokaan dan Penyediaan Proposal Penyelidikan INFAD	19 Disember 2012	Bengkel ini diadakan sebagai satu sesi perkongsian dan perbincangan bagi merancang seterusnya meneroka tajuk-tajuk penyelidikan baru dan semasa. Bengkel ini juga berjaya membentuk beberapa kumpulan penyelidik baru yang akan menjalankan kajian di bawah bidang penyelidikan dan inovasi INFAD
----	---	---------------------	---



## Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)

Tahun 2012 telah melonjakkan IHRAM sebagai pusat rujukan terpilih dalam bidang halal haram, dengan beberapa siri temu ramah oleh stesen televisyen TV Al-Hijrah bagi siri program Ejen Halal dan juga rencana khas di TV9. Kepakaran IHRAM di dalam industri halal Malaysia mula diiktiraf dengan lantikan-lantikan ke dalam beberapa jawatankuasa dan panel seperti berikut :

### Jadual 3.12 – Senarai Pengiktirafan IHRAM di Agensi-agensi Dalam Negara

BIL	JAWATANKUASA / PANEL	ORGANISASI
1	Panel pemikir penyelidikan FATWA untuk Industri Halal	JAKIM
2	Jawatankuasa Standard Halal Syariah SIRIM SC-I	Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM Berhad
3	Kumpulan Kerja Teknikal Untuk Sektor Pemakanan, Jawatankuasa Analisis Makanan	MOSTI
4	Kumpulan Kerja Teknikal Sektor Analisis Produk Halal, Jawatankuasa Analisis Makanan	MOSTI
5	Fasilitator Bengkel Pembangunan Modul Latihan Pengurusan Halal	JAKIM

Pada 21 Mac 2012, bertempat di Dewan Senat wakil dari pelbagai IPTA dan organisasi luar seperti JAKIM, Halal Industry Development Corporation (HDC), Jabatan Kimia Malaysia, makmal-makmal keselamatan pelbagai negeri, Jabatan Perikanan dan TPM telah berjaya dikumpulkan oleh IHRAM bagi menganjurkan Bengkel di Dalam Pembangunan Kaedah Protokol Analisis Halal Haram di Makmal-Makmal Seluruh Malaysia. Hasil daripada bengkel ini, satu kertas kerja telah diangkat ke Standard Malaysia dan JAKIM bagi mewujudkan standard halal dan fatwa berkenaan halal, pembangun kaedah ISO 17025 berkaitan analisis halal haram.

IHRAM juga mengorak langkah lebih luas dengan kerjasama USIM Tijarah Sdn. Bhd bagi menyertai Halal Fiesta Malaysia (HALFEST) pada 10 hingga 14 Oktober 2012, yang merupakan sebuah ekspo kepenggunaan halal terbesar dan komprehensif di Malaysia yang melibatkan pelbagai pihak. IHRAM turut memperkenalkan perkhidmatan latihan, analisis, perundingan dan penyelidikan berdasarkan unsur halal kepada seluruh masyarakat dan juga industri halal Malaysia.

Selain itu juga, IHRAM terus mencuba meningkatkan dan memantapkan kualiti para penyelidik dan sumber manusia yang wujud di IHRAM dengan menganjurkan Training of Trainers (TOT) Kali Ke-2 pada 3 hingga 11 September 2012 bagi mentauliahkan para peserta menjadi tenaga pengajar dalam Program Halal Eksekutif (HEP) di bawah HDC. Peserta yang telah ditauliahkan kini diiktiraf sebagai Certificated Halal Professional Trainer, setaraf dengan tenaga pengajar yang ada di kalangan pengajar HDC dan membolehkan mereka menjadi tenaga pengajar bagi program-program HEP di seluruh Malaysia.

IHRAM juga tidak lekang dari menerima lawatan daripada pihak luar, tidak kira sama ada dari dalam negara atau luar negara. Antara agensi yang pernah melawat IHRAM adalah Unit Pendidikan Islam Jabatan Pengajian Am Politeknik Port Dickson, Universiti Andalas, Indonesia dan Institut Halal Prince of Songkhla University, Thailand.

## Pusat Penyelidikan Dalam Penyalagunaan Dadah Asia (ACREDA)

ACREDA berhasrat menjadi sebuah institusi penyelidikan, perkhidmatan perundingan, penulisan, penerbitan, latihan serta pusat maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah bertaraf nasional dan serantau yang terkemuka dan berwibawa serta dikenali. ACREDA telah memulakan Projek Pembinaan Daya Upaya (*Capacity Building*) dengan program dan aktiviti seperti berikut:

### Jadual 3.13 – Senarai Projek Pembinaan Daya Upaya ACREDA

BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	IMPAK
1	Projek Perundingan : Bengkel Kemahiran Dalam Perkhidmatan Menolong Tahap 1  Pemohon Perkhidmatan Perundingan : Yayasan Salam  Tempat : Puteri Park Hotel, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur	6 - 8 Januari 2012	Projek Perundingan berbentuk bengkel tiga hari ini telah diisi dengan konsep perkhidmatan menolong dan kemahiran asas kaunseling penagihan serta sesi perbincangan dan perkongsian tentang cabaran dan kejayaan dalam bidang rawatan dan pemulihan.  30 peserta terdiri daripada: a) Individu bebas pergantungan penagihan dan terlibat secara langsung dengan perkhidmatan menolong bagi mereka yang mengalami masalah penagihan. b) Petugas Yayasan Salam (CCSC Chow Kit, Rumah Sinar Salam)  Hasil perundingan : RM17,000.00
2	Lawatan Rasmi Tuanku Aishah Rohani, Tuanku Canselor USIM Melawat USIM	25 Januari 2012	ACREDA mengadakan pameran sempena lawatan tersebut dengan memperkenalkan kit-kit penyalahgunaan dadah dan juga tayangan video berkaitan penggunaan dan penyalahgunaan dadah.
3	Lawatan Akademik dan Teknikal Pelajar Program SPADA dan Program Pengantarabangsaan ke Indonesia	1 - 6 Februari 2012	Pihak ACREDA dan SPADA mengadakan lawatan dan program pengantarabangsaan ke Indonesia bertujuan untuk menjalinkan hubungan kerjasama dua hala diantara dua negara tersebut dan mempelajari pendekatan kerohanian, konsep Tasawuf yang diamalkan oleh Pusat Rawatan dan Pemulihan INABAH Suryalaya, Tasik Malaya, Indonesia.
4	Bengkel Pengesahan Kandungan Modul Terapi Psikopendidikan Pemulihan Dadah	13 - 15 Februari 2012	ACREDA dapat menghasilkan produk perundingan dan latihan yang baru berhubung dengan proses rawatan dan pemulihan menggunakan pendekatan Terapi Psikopendidikan.  Teknik Terapi Psikopendidikan diyakini dapat membantu proses perubahan dan kepulihan dalam kalangan penagih.

BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	IMPAK
5	Bengkel Semakan / Pengiktirafan Modul Pemulihan Tempat : Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah	19 - 23 Februari 2012	Jabatan Penjara Malaysia telah melantik Pengarah ACREDA menjadi salah seorang ahli panel bagi bengkel tersebut yang berkaitan modul rawatan dan pemulihan.
6	Bengkel Penyemakan Semula Pengiraan Semula Statistik Residivis Jabatan Penjara Malaysia Tempat : Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah	5 – 7 Mac 2012	Pengarah ACREDA telah dilantik sebagai panel bagi membuat penyemakan semula pengiraan statistik residivis yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia.
7	Bengkel Aplikasi Modul COMBAT-DAPS Untuk Pemimpin Komuniti	8 Mac 2012	Bengkel ini dilaksanakan dengan membuat ujian semula ( <i>retest</i> ) ke atas Modul COMBAT-DAPS sedia ada dalam kalangan pemimpin-pemimpin komuniti. Seramai 120 orang pemimpin PEMADAM WPKL telah terlibat sebagai responden.  Hasil bengkel, berjaya memurnikan modul COMBAT-DAPS untuk dipasarkan.
8	Program Pencegahan Komuniti Kampus Bebas Dadah Peringkat IPT 2012	15 Mac 2012	Program ini dilaksanakan bagi menyahut seruan kerajaan sebagai negara bebas dadah menjelang tahun 2015, di samping membantu USIM memenuhi strategi keselamatan kampus dalam PIN, USIM.



BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	IMPAK
9	<p>Projek Perundingan : Kajian Keberkesanan Program Pendidikan Pencegahan Dadah Kementerian Pelajaran Malaysia dan PETRONAS</p> <p>Seminar Kebangsaan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah 2012 (PREVENT 2012)</p> <p>Anjuran ACREDA dengan kerjasama SPADA USIM-UMS, KPT, KPM dan PERKAMA</p> <p>Tempat : DKP3, USIM</p> <p>Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena PREVENT ini adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pameran dan Jualan</li> <li>2) Konsert "1 Malaysia Against Drugs"</li> <li>3) <i>Training of The Trainers</i> – Personaliti dan Kepimpinan untuk PRS sekolah</li> <li>4) Forum : Amalan Terbaik Dalam Perlaksanaan Program Pencegahan Penyalahgunaan Dadah</li> </ol>	1 April 2012	ACREDA telah diberi kepercayaan untuk menjalankan projek penyelidikan bernilai RM92,000.00 yang dibiayai sepenuhnya oleh PETRONAS.
10		2 – 3 Mei 2012	<p>Seminar ini telah menjadi satu platform kepada perbincangan dan perkongsian ilmu dalam isu penyalahgunaan dadah untuk membincangkan amalan terbaik yang boleh diaplikasikan sesuai dengan perubahan dan peredaran zaman generasi baru</p> <p>PREVENT telah dihadiri oleh guru-guru kaunselor pelajar, wakil-wakil NGO, pemimpin-pemimpin pelajar daripada IPTA dan IPTS, serta pembimbing-pembimbing rakan sebaya di sekolah-sekolah.</p>
11	<p>Bengkel Retreat dan Teambuilding Staf CoE</p> <p>Tempat : Suria Cherating Resort, Pahang.</p>	12 – 14 Mei 2012	<p>Pemahaman dan penghayatan kepada penubuhan dan fungsi setiap Pusat Kecemerlangan serta peranan semua individu di dalamnya oleh setiap stafnya dapat ditingkatkan dalam usaha mencapai taraf HICOE menjelang tahun 2015, di bawah KRA3 USIM.</p> <p>Ita juga dapat meningkatkan motivasi kakitangan seterusnya menambah mutu sistem penyampaian (delivery system) kepada pihak-pihak yang berurusan dengan Pusat-pusat Kecemerlangan (CoE).</p> <p>Pengarah ACREDA telah menyampaikan ceramah - "Integriti dan Akauntabiliti Staf CoE". Beliau juga, bersama-sama 2 orang pelajar SPADA, turut mengendalikan slot <i>Managing Stress with Our 5 Senses</i> serta aktiviti kerja berpasukan.</p>

BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	IMPAK
12	Seminar Kesedaran Keselamatan Kebakaran (dianjurkan bersama oleh Pusat Kecemerlangan dan Inovasi)	18 Julai 2012	Diadakan untuk kakitangan Pusat-pusat Kecemerlangan bagi memberikan pendedahan berkenaan keselamatan kebakaran yang telah disampaikan oleh pihak Fire Prevention Sdn. Bhd.
13	Bengkel Kajian Kes dan Majlis berbuka puasa ACREDA/SPADA	13 Ogos 2012	Bengkel ini diadakan untuk menilai tahap kualiti para pelajar SPADA dalam menjalani kajian kes semasa latihan praktikal mereka. Panel penilai terdiri daripada 5 orang staf akademik USIM manakala 5 orang lagi adalah panel penilai dijemput khas dari luar USIM. Hasil kajian kes yang dibentangkan oleh para pelajar SPADA ini seramai 26 orang akan dibukukan kelak. Rentetan dari bengkel ini juga diadakan Majlis Berbuka Puasa bagi meraikan kakitangan serta para pelajar disamping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.
14	Bengkel Pentadbiran Pengutipan Data Bagi Khidmat Perundingan Kajian Tahap Keberkesanan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) Sahabat PPDa- Petronas di Sekolah	4-6 September 2012	Seramai 27 orang peserta terdiri daripada tujuh dari USIM, dua dari Kementerian Pelajaran Malaysia serta selebihnya guru-guru dari seluruh Malaysia yang telah dilantik sebagai PPDa menyertai bengkel ini diketuai oleh Pengarah ACREDA sendiri di Empress Hotel Bandar Baru Salak Tinggi selama tiga hari dua malam. Tujuan bengkel ini diadakan ialah bagi penyelarasan serta bertukar-tukar fikiran diantara peserta berkaitan kajian yang telah dijalankan.
15	Lawatan daripada Guru-guru Program Pendidikan Pencegahan Dadah seluruh daerah Klang ke ACREDA/SPADA.	12 September 2012	Lawatan diadakan untuk melihat dengan lebih dekat lagi struktur pentadbiran dan juga makmal-makmal yang terdapat di sini. Disamping itu juga, pihak SPADA dibantu oleh pelajar-pelajar senior SPADA telah mempromosikan/menerangkan kepada guru-guru ini berkenaan program SPADA yang ditawarkan.
16	Program Seminar Kerjaya bersama PENGASIH	6 Disember 2012	Pihak ACREDA dan SPADA telah menjayakan Program Seminar Kerjaya yang telah diadakan di Rumah PENGASIH Kuala Lumpur. Pelajar SPADA telah membuat sesi kaunseling bersama penghuni Rumah PENGASIH bagi mendapatkan maklumat berkenaan keadaan mereka.

BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	IMPAK
17	Program ACREDA dan SPADA Outreach bersama Cure & Care Service Centre, Chow Kit SPADA sesi 2011/2012	12 Disember 2012	Pihak ACREDA dan SPADA secara kerjasama telah mengadakan satu lawatan ke Chow Kit dengan diiringi oleh pihak Cure & Care Service Center bagi melihat, mendapat maklumat keadaan sebenar penagihan dadah. Dikesempatan itu juga, pihak ACREDA dan SPADA telah memberi makanan dan cenderamata kepada penagih sebagai salah satu cara untuk mendekati mereka dan juga sebagai tanggungjawab sosial pihak ACREDA/SPADA.
18	Lawatan daripada Universitas Islam Indonesia	21 Disember 2012	Pihak ACREDA telah menerima lawatan daripada Universitas Islam Indonesia terdiri daripada dua orang pensyarah iaitu Prof. Dr. Hardjono Sastrohamidjojo dan Dr. Riyanto kedua-duanya Pensyarah dalam bidang Kimia Fakulti Matematika dan Pengajian Alam. Tujuan lawatan pihak Universitas Islam Indonesia ke ACREDA adalah untuk melihat dengan lebih dekat lagi segala kemudahan yang terdapat di ACREDA kerana mereka berhasrat ingin mewujudkan satu pusat berkaitan dadah di universiti mereka.



## **Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)**

Hasil penyelidikan para penyelidik IFWMI telah mengharumkan nama IFWMI dan juga USIM di pertandingan penyelidikan 23<sup>rd</sup> International Invention, Innovation & Technology Exhibition (iTEX 2012) pada 17 hingga 19 Mei 2012 dengan memenangi pingat perak melalui projek bertajuk *Shariah Governance and Audit in Islamic Financial Institutions*. Modul hasil penyelidikan ini amat berharga dalam melatih bakal-bakal juruaudit Syariah di peringkat program pengajian prasiswazah dan juga pascasiswazah serta dalam industri. Kandungan modul amat berguna bagi pengamal-pengamal untuk membimbing mereka melalui proses menjalankan audit syariah. Kandungan itu boleh digunakan untuk membangunkan sistem patuh syariah yang menyeluruh untuk merangkumi tadbir urus dan mekanisme audit dalam sistem teknologi maklumat bagi institusi kewangan Islam.

Permohonan perjawatan di USIM diproses melalui laman web secara dalam talian yang dikenali sebagai eIRIS. Semua maklumat yang dihantar akan disimpan di dalam pangkalan data eIRIS. Status permohonan akan sentiasa dikemas kini oleh sistem mengikut proses yang dilakukan. Matlamat eIRIS dibangunkan untuk mempercepatkan proses pengambilan staf akademik dan pentadbiran melalui capaian maklumat lebih pantas, simpanan maklumat lebih selamat (*storage of documents*) dan mengurangkan kos percetakan serta kos upahan pekerja sambilan.

Jadual 4.11 dan 4.12 menunjukkan bilangan staf mengikut status jawatan iaitu tetap, kontrak dan sementara serta jumlah waran dan pengisian sehingga Disember 2012:

**Jadual 4.11: Bilangan Staf Mengikut Status Jawatan**

STATUS JAWATAN	BILANGAN STAF
Tetap	973
Kontrak	269
Sementara	94
<b>JUMLAH</b>	<b>1336</b>

**Jadual 4.12: Jumlah Waran dan Pengisian**

WARAN DAN PENGISIAN	JUMLAH
Jumlah waran	1158
Jumlah Pengisian	1336
<b>JUMLAH PELANTIKAN BERWARAN</b>	<b>1071</b>

### Projek Pembangunan Kerjaya


Projek Pembangunan Kerjaya adalah program yang menumpukan usaha ke arah pembangunan dan mempertingkatkan prospek kerjaya staf dan meningkatkan kemahiran pengetahuan yang diperlukan khususnya dalam pembangunan diri dan kerjaya staf bagi mencapai penghasilan kerja yang produktif dan berkualiti.

### Kenaikan Pangkat

Kenaikan pangkat adalah peningkatan secara hakiki dari satu gred ke gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat. Seksyen Kenaikan Pangkat merupakan sebahagian daripada struktur Bahagian Modal Insan, Jabatan Pendaftar yang

berperanan untuk merancang, mengurus dan memantau segala aktiviti yang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat staf di USIM.

**KENAIKAN PANGKAT BAGI TAHUN 2012**



**Rajah 4.1 : Bilangan Staf bagi Kenaikan Pangkat**



## **SENARAI NAMA STAF YANG TELAH DINAIKKAN PANGKAT**

### **Staf Pentadbiran:**

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN/PUSAT	TARIKH KUAT KUASA
1	Pn. Norwini binti Zaidi (S285)	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Pusat Teknologi Maklumat	1 Mei 2012
2	En. Nur Ekmal bin Buhary (S86)	Pegawai Belia dan Sukan Gred S44	Pusat Sukan	17 Disember 2012
3	Pn. Siti Norul Aini binti Latif (S175)	Pembantu Tadbir Kanan Gred N22	Jabatan Bendahari	15 Ogos 2012

## Staf Akademik:


BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN/PUSAT	TARIKH KUAT KUASA
1.	Prof. Madya Dr. Zairina binti A. Rahman (S1195)	Profesor Madya Gred DU54	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	1 Disember 2012
2.	Prof. Madya Dr. Salina binti Mat Radzi (S767)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Sains dan Teknologi	11 Oktober 2012
3.	Prof. Madya Dr. Mohd Radhi bin Ibrahim (S65)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	15 Mac 2012
4.	Prof. Madya Dr. Muhammad Yusuf bin Khalid (S111)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	15 Mac 2012
5.	Prof. Madya Dr. Siti Salhah binti Othman (S414)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	15 Mac 2012
6.	Prof. Madya Dr. Asma binti Abdul Rahman (S13)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	16 Ogos 2012
7.	Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan bin Mohd Jailani (S261)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	20 Disember 2012
8.	Prof. Madya Dr. Zurina binti Shafii (S157)	Profesor Madya Gred DS54	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	26 Julai 2012
9.	Prof. Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni	Profesor Madya Gred DS53	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	1 Disember 2012
10.	Dr. Muzaffar Syah bin Mallow (S1440)	Pensyarah Universiti Gred DS52	Fakulti Syariah dan Undang-undang	15 April 2012
11.	Dr. Siti Suriani binti Othman (S459)	Pensyarah Universiti Gred DS52	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	26 Oktober 2012
12.	Dr. Nurul Azmawati binti Mohamed @ Abd Aziz (S900)	Pensyarah Perubatan Gred DU54	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	1 Disember 2012
13.	Dr. Asral Wirda binti Ahmad Asnawi (S597)	Pensyarah Perubatan Gred DU54	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	29 Mei 2012
14.	Dr. Hana Maizuliana binti Solehan (S897)	Pensyarah Perubatan Gred DU54	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	29 Oktober 2012
15.	Dr. Nor Azila binti Noh (S823)	Pensyarah Perubatan Gred DU54	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	31 Oktober 2012
16.	Dr. Hanizah binti Ngadiron (S943)	Pensyarah Perubatan Gred DU52	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	11 Disember 2012
17.	Dr. Ku Mastura binti Ku Mohd Noor (S987)	Pensyarah Perubatan Gred DU52	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	19 Julai 2012
18.	Dr. Nadeeya' Ayn Umaisara binti Mohamad Nor (S1204)	Pensyarah Perubatan Gred DU52	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	29 Oktober 2012
19.	Dr. Normaliza binti Omar (S1220)	Pensyarah Perubatan Gred DU52	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	29 Oktober 2012

20.	Dr. Nurzarina binti Abdul Rahman (S986)	Pensyarah Perubatan Gred DU52	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	7 Disember 2012
21.	Dr. Wan Nor Syariza binti Wan Ali (S882)	Pensyarah Pergigian Gred DUG54	Fakulti Pergigian	29 Oktober 2012
22.	Dr. Norazlina binti Mohammad (S911)	Pensyarah Pergigian Gred DUG52	Fakulti Pergigian	11 September 2012
23.	Dr. Nalisha binti Mohamed Ramli (S948)	Pensyarah Pergigian Gred DUG52	Fakulti Pergigian	11 September 2012
24.	Dr. Faizah binti Abdul Fatah (S1192)	Pensyarah Pergigian Gred DUG52	Fakulti Pergigian	15 Julai 2012
25.	Dr. Norlela binti Yacob (S956)	Pensyarah Pergigian Gred DUG52	Fakulti Pergigian	16 Mei 2012
26.	Dr. Azrul Hafiz bin Abdul Aziz (S904)	Pensyarah Pergigian Gred DUG52	Fakulti Pergigian	29 Oktober 2012
27.	En. Mohamed Akhiruddin bin Ibrahim (S1089)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG44	Pusat Tamhidi	11 Oktober 2012
28.	En. Wan Amir Nudin bin Wan Ishak (S625)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG44	Pusat Tamhidi	11 Oktober 2012
29.	Pn. Suhaili binti A. Jalil (S143)	Guru Bahasa Gred DG48	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
30.	En. Ahmad Norsyafwan bin Norawawi (S1051)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
31.	Pn. Rabiah binti Abdul Rahman (S1052)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
32.	En. Mohd Ridwan bin Mohd Lau (S1062)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
33.	Pn. Siti Salma binti Wahiduddin (S1065)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
34.	Pn. Nur Dalila binti Mohamad Nazri (S580)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	29 Jun 2012
35.	Pn. Ummu Nasibah binti Nasohah (S1057)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	15 Januari 2013
36.	En. Muhammad Izuan bin Abd Gani (S1077)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	15 Januari 2013
37.	En. Mohammad Aizuddin bin Abd Aziz (S1150)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	15 Januari 2013
38.	Pn. Manal binti Jusoh@ Mohamad Daud (S869)	Guru Bahasa Gred DG44	Pusat Pengajian Teras	15 Januari 2013

## Projek Penilaian Prestasi

### Soal Selidik Kepuasan Bekerja

USIM telah melaksanakan Soal Selidik Kepuasan Bekerja yang dijalankan pada 18 Disember 2012 sehingga 18 Januari 2013 secara dalam talian (*online*) kepada seluruh staf dengan menggunakan tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Hasil soal selidik ini digunakan untuk membantu pihak pengurusan merancang dan melaksanakan program penambahbaikan perkhidmatan. Terdapat empat skop soalan yang dinyatakan dalam soal selidik tersebut iaitu skop dan tugas kerja, peluang kemajuan dan peningkatan, hubungan dengan pelbagai pihak dan kebajikan. Hasil soal selidik yang dijalankan menunjukkan semua responden mencapai skor 75% dan ke atas kepuasan seperti di bawah:



Rajah 4.2: Tahap Kepuasan Bekerja Staf USIM

### Program Nilai-Nilai Murni

Terdapat empat program nilai-nilai murni telah dijalankan pada 2012 seperti berikut:

#### Jadual 4.13 : Senarai Program Nilai-nilai Murni

BIL	PROGRAM NILAI-NILAI MURNI	FOKUS
1.	Kursus Anti Rasuah (Pengurusan Integriti)	Nilai Ideal
2.	Kursus Anti Rokok dan Dadah	Nilai Peribadi
3.	Kursus Menanda Aras Staf Super	Nilai Organisasi
4.	Kursus Seni "Mengurut" Ego Pelanggan	Penyampaian Perkhidmatan kepada Pelanggan

## Kursus Peningkatan Kerjaya

Sebanyak enam kursus peningkatan kerjaya telah diadakan yang melibatkan kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan staf sokongan USIM iaitu:

BIL	PROGRAM
1.	Kursus Personaliti Diri
2.	Kursus Komunikasi Personaliti Super
3.	Kursus Kecemerlangan dalam Pengurusan Stres
4.	Kursus Pengurusan Konflik di Tempat Kerja
5.	Kursus Pemantapan Pengurusan Keluarga
6.	Kursus Pementoran

## Program Mentor-Mentee

Pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberikan bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor (pegawai yang terlatih, berkemahiran dan beretika) bagi pembangunan diri mentee (pegawai yang memerlukan bimbingan). Pendekatan ini melibatkan aktiviti perhubungan, pemindahan kemahiran personal dan profesional seorang pegawai dalam jangka masa yang ditetapkan.



Program Mentor Mentee bagi kumpulan ini melibatkan seramai 27 mentor dan 27 mentee seperti berikut:

#### Jadual 4.14: Senarai Nama Mentor dan Mentee

MENTOR				MENTEE		
BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	JABATAN	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1	Hj. Mazlan Nawang	Timb. Pendaftar N48	JPPF	En. Mohd. Zaini Othman	Pen. Pendaftar N41	Canselor
2	En. Mohd. Asri Husain	Timb. Pendaftar N48	FST	Pn. Siti Hana Sarbini	Pen. Pendaftar N41	PPKPK
3	Pn. Khadijah Chamili	Peg. Teknologi Maklumat Kanan F44	PTM	Cik Siti Aisyah Mohamed	Pen. Pendaftar N41	Akademi Permata Insan
4	Pn. Mazura Mohd. Noor	Pen. Pendaftar Kanan N44	FPQS	Cik Faeza Ramlay	Peg. Teknologi Maklumat F41	PTM
5	En. Hafez Fikri Adimat	Pen. Pendaftar Kanan N44	Canselor	En. Mohd Syai fool Eidzzwan A. Halim	Pen. Pendaftar N41	JPPF
6	Pn. Hasmida Saleh	Pustakawan Kanan S44	Perpustakaan	Cik Syariffah Ziela Suradi	Pemb. Tadbir (P/O) N17	Pendaftar
7	Pn. Hariza Mohd. Yusof	Peg. Penerbitan Kanan N44	Penerbitan	Pn. Hafizah Marzuki	Juruaudit W41	Audit Dalam
8	Ir. Shahrin Amri Jahari	Jurutera (Awam) Kanan J44	JPPF	En. Fakrul Radzi Mohd Akhir @ Harun	Peg. Teknologi Maklumat F41	PTM
9	Pn. Wan Fauriah Wan Samad	Pen. Pendaftar Kanan N44	PPP	Pn. Nuraina Hanipah	Pen. Pendaftar N41	FEM
10	Pn. Norwini Zaidi	Peg. Teknologi Maklumat Kanan F44	PTM	Pn. Ainida Hj. Fauzi	Pen. Peg. Penyediaan Makanan C27	FST
11	Cik Ashikin Abdullah	Pen. Pendaftar Kanan N44	Pendaftar	En. Faizudin Ahmad	Pen. Pendaftar N41	PHIP
12	Pn. Mazlina Mohamed Tamjid	Pen. Pendaftar N41	TAMHIDI	Cik Nora Ardilla Nordin	Pen. Pendaftar N41	Pendaftar
13	Cik Rohimah Abdul Rahman	Pen. Pendaftar N41	Pendaftar	Pn. Nornadia Adnan	Pen. Arkitek Landskap J29	JPPF
14	Pn. Arhaida Abdul Rahman	Pen. Pendaftar N41	PPKPK	Pn. Hafizah Badri	Pustakawan S41	Perpustakaan

MENTOR				MENTI		
BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	JABATAN	NAMA	JAWATAN	JABATAN
15	En. Mohd Akashah Abd Rashid	Pen. Pendaftar N41	Canselor	Cik Nursallyma Mohd Kassim	Pemb. Tadbir (P/O) N17	HEP
16	Pn. Ilham Suhana Idris	Pen. Bendahari W41	Bendahari	Cik Siti Aishah Naim	Pen. Peg. Tadbir N27	Pendaftar
17	Pn. Fadhilah Othman	Peg. Psikologi S41	HEP	Pn. Nor Hidayah Mohamad Nasiruddin	Setiausaha Pejabat N27	BPPS
18	Cik Norlizawaty Tumin	Pen. Pendaftar N41	BPPS	Cik Siti Wahida Abd. Wahab	Pen. Pendaftar N41	FST
19	En. Mohd. Shahrul Nizam Mohamed Shamsuddin	Pen. Pendaftar N41	Pendaftar	En. Mohd. Amirul Mohamad Ghazali	Pereka Grafik B27	Penerbitan
20	Pn. Marzipah Ismail	Penolong Akauntan W32	Bendahari	Cik Nor Hashimah Razali	Setiausaha Pejabat N27	FSU
21	En. Shahreza Mohameddin	Pen. Peg. Teknologi Maklumat F29	BKKPA	En. Shaiful Sharizal Mohd Sadi	Penerbit Rancangan B17	FKP
22	Pn. Noor Ashikin Musbah	Setiausaha Pejabat N28	TNC (A&A)	Cik Suhani Sufian	Pemb. Tadbir (P/O) N17	FPSK
23	En. Md. Akhair Desa	Penolong Akauntan W27	Bendahari	Cik Nur Salwana Mohamad	Pemb. Tadbir (P/O) N17	JPPF
24	En. Rozaimi Kamarudin	Penolong Pegawai Keselamatan KP27	Pendaftar	Cik Noor Hashura Mohd Hashim	Juruteknik Ukur Bahan J17	JPPF
25	Pn. Rozailiza Rajab	Pemb. Tadbir Kanan (P/O) N22	Pendaftar	En. Ahmad Azlan Ahmad @ Ahmad Rosley	Pemb. Tadbir (P/O) N17	PPS
26	En. Marzuki Ismail	Pemb. Perpustakaan Kanan S22	Perpustakaan	En. Borhanuddin Mehat	Juruteknik (Senibina) J17	JPPF
27	Pn. Siti Norul Aini Latif	Pemb. Tadbir Kanan (P/O) N22	Bendahari	Pn. Noorahzianti Arif	Pemb. Perpustakaan S17	Perpustakaan


## KEMUDAHAN KEBAJIKAN STAF

### Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata

- a. Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 12/2012 bertarikh 10 April 2012 bersetuju agar Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata disediakan kepada staf USIM kerana ianya merupakan alat bantuan penglihatan dan kebanyakan staf menggunakan dalam membantu melaksanakan urusan sehari.
- b. Kemudahan ini layak pada kadar maksima RM200.00 setiap tiga tahun sekali.
- c. Tuntutan hanya dibenarkan untuk kaca mata lutsinar iaitu untuk kegunaan urusan sehari di pejabat manakala tuntutan untuk kanta sesentuh atau kaca mata berwarna bukan tujuan membantu penglihatan adalah tidak layak dipertimbangkan.

### Pindaan Skim Kemudahan Perubatan Staf di Klinik Panel USIM/Setara

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 30/2012 bertarikh 16 Oktober 2012 telah bersetuju dengan pindaan Skim Kemudahan Perubatan Staf di Klinik Panel USIM/Setara sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 10/2011 iaitu staf boleh mendapatkan kemudahan pemeriksaan wanita hamil termasuk ujian *ultrasound* di Klinik Panel USIM dengan caj maksima RM60.00 bagi setiap rawatan. Sebarang lebihan caj rawatan perlu dibiayai sendiri oleh staf berkenaan.
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 12/2012 bertarikh 10 April 2012 telah bersetuju dengan pindaan Skim Kemudahan Perubatan Staf di Klinik Panel USIM/Setara sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 10/2011 untuk membolehkan staf dan pasangan yang merupakan staf USIM layak untuk mendapatkan rawatan pergigian secara berasingan pada kadar maksima RM200.00 setahun. Kadar tuntutan setiap staf turut meliputi tuntutan rawatan pergigian oleh anak-anak yang layak dan terhad kepada kos mencabut dan menampal sahaja.



## **Kemudahan Pemberian *Business Card* Kepada Pegawai USIM**

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 26/2012 bertarikh 11 September 2012 bersetuju agar Kemudahan Pemberian *Business Card* Kepada Pegawai USIM ini diberikan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- b. Kemudahan pemberian *Business Card* ini akan diberikan kepada pegawai yang layak seperti berikut :
  - i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi
    - Mencetak tidak melebihi 300 keping setahun dengan kos tidak melebihi RM1.00 sekeping
  - ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional
    - Mencetak tidak melebihi 100 keping setahun dengan kos tidak melebihi RM1.00 sekeping

## **Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang Berada di Luar Negara atas Urusan Persendirian**

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 25/2012 bertarikh 4 September 2012 bersetuju agar Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang Berada di Luar Negara atas urusan persendirian disediakan untuk kebaikan staf USIM selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/2004 iaitu meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan.
- b. Had aman perlindungan insurans kesihatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam polisi insurans yang dikemukakan oleh syarikat insurans kesihatan.

## **Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang Menjalankan Tugas Rasmi dan Berkursus di Luar Negara**

- a. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 26/2012 bertarikh 11 September 2012 bersetuju agar Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang Menjalankan Tugas Rasmi dan Berkursus di Luar Negara disediakan untuk kebaikan staf USIM selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3/2003 iaitu meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan.
- b. Had aman perlindungan insurans kesihatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam polisi insurans yang dikemukakan oleh syarikat insurans kesihatan.



# USIMKRA 5

MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN  
KEWANGAN

---



## MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN

Pelaksanaan PSPTN oleh KPT telah melibatkan semua IPTA termasuk USIM. Antara inti pati dalam PSPTN ialah menyarankan dan menggalakkan IPTA berusaha untuk menjana sekurang-kurangnya 30% pendapatan sendiri melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh IPTA. Saranan ini bertujuan menggalakkan IPTA agar tidak terlalu bergantung kepada dana yang diperuntukkan oleh kerajaan semata-mata tanpa ada usaha untuk meningkatkan keupayaan berdikari.

IPTA diseru supaya menggunakan sepenuhnya bidang kepakaran dan kemudahan yang dimiliki bagi melaksanakan penjanaan pendapatan sama ada melalui kepakaran dalaman maupun luaran bagi menyediakan khidmat dan kemudahan kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan masyarakat serta menghasilkan produk-produk baru bagi kegunaan pasaran. USIM menyambut baik saranan KPT untuk mencapai tahap kebebasan kewangan melalui beberapa strategi yang telah dirangka.

## PENINGKATAN SUMBER KEWANGAN

Bagi meningkatkan sumber kewangan USIM kepada 30% daripada peruntukan tahunan, pelbagai aktiviti penjanaan kewangan secara berterusan telah dilaksanakan. Antaranya, melalui yuran pelajar, geran penyelidikan, khidmat perundingan dan kepakaran, kursus/latihan/francais penerbitan buku, pengkomersialan hasil penyelidikan dan alumni serta mendapatkan sumber-sumber daripada penajaan/zakat/endowment syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ataupun syarikat swasta.

### Jadual 5.1: Senarai Projek Penjanaan Pendapatan Universiti

PROJEK / AKTIVITI UTAMA	PENCAPAIAN (RM)	PROGRAM / AKTIVITI YANG DILAKUKAN
Penjanaan Pendapatan Melalui Yuran Pengajian	7,785,660.00	Yuran Pengajian Prasiswazah Tempatan
	54,670.00	Yuran Pengajian Prasiswazah Antarabangsa
	396,992.50	Yuran Pengajian Pascasiswa Tempatan
	958,382.50	Yuran Pengajian Pascasiswa Antarabangsa
Penjanaan Melalui Geran Penyelidikan	1,665,200.00	Geran Penyelidikan yang diperolehi USIM
Penjanaan Melalui Kerja Perundingan/Royalti	465,688.00	Kerja Perundingan AKEPT, KPM, Tabung Haji dan JAKIM
Penjanaan Melalui Pelaksanaan Kursus/Latihan	542,608.00	Kursus Intensif Bahasa Inggeris, Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi dan Kursus Sijil Talaqi Al-Quran
Penjanaan Melalui Penerbitan	374,300.10	Pendapatan melalui penjualan buku-buku yang dihasilkan oleh staf akademik USIM bagi meningkatkan penjualan bahan-bahan penerbitan terutamanya melalui penyertaan pameran
Penjanaan Melalui Pengkomersialan	25,000.00	Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi USIM kepada Darul Quran, JAKIM
Penjanaan Pendapatan Melalui Sumbangan/Endowment/Zakat/Sadakah	22,323.57	Pendapatan ini adalah melalui sumbangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta
Penjanaan Melalui Alumni	108,800.00	Yuran Alumni Pelajar 2012
Penjanaan Melalui Sewaan Kemudahan dan Fasiliti	5,485,358.90	Sewa Bangunan Sewa Asrama Pelajar Sewa Dewan Kuliah Sewa Pelbagai
JUMLAH	RM17,884,983.57	Jumlah hasil pendapatan pada 2012

## PERBELANJAAN TAHUNAN

USIM telah melaksanakan langkah-langkah penjimatan bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Langkah penjimatan yang dilaksanakan meliputi semua PTJ di USIM terutama dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta penggunaan tenaga elektrik. Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh USIM untuk menjayakan dasar penjimatan ini melalui kempen kesedaran pengguna dan penguatkuasaan larangan pembaziran. Ini dapat dilihat daripada rekod perbelanjaan 2012 berbanding 2011 dalam Jadual 5.2.

**Jadual 5.2: Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan USIM**

PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	2012 (RM)	2011 (RM)	VARIAN
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1,923,157	1,964,295	41,138
Perhubungan dan Utiliti	9,318,367	9,385,732	67,365
Sewaan	10,715,486	9,407,233	(1,308,253)
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	7,529,899	14,188,273	6,658,374
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	7,601,191	7,669,141	67,950
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan dan Hospitaliti	19,492,207	15,948,861	(3,543,346)



Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup menunjukkan pengurangan sebanyak RM41,138 daripada RM1,964,295 bagi 2011 kepada RM1,923,157 pada 2012. Perbelanjaan perhubungan dan utiliti bagi 2012 menunjukkan pengurangan sebanyak RM67,365 berbanding 2011. Walau bagaimanapun, sewaan menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,308,253 daripada RM9,407,233 bagi 2011 kepada

RM10,715,486 pada 2012. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan melalui kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh USIM, namun pertambahan pelajar pada 2012 dan juga peningkatan kos pengurusan dan operasi menyebabkan dasar-dasar penjimatan tidak dicapai sepenuhnya.

Selain itu, perbelanjaan untuk bekalan dan bahan-bahan lain menunjukkan penjimatan bertambah daripada RM14,188,273 bagi 2011 kepada RM7,529,899 pada 2012 iaitu perbelanjaan berkurang sebanyak RM6,658,374. Penjimatan ini terhasil daripada penggunaan Sistem MyMeeting yang mengurangkan penggunaan kertas serta beberapa sistem baru diperkenalkan untuk menjimatkan kos serta memudahkan urusan. Penyelenggaraan dan pemberian kecil yang dibeli menunjukkan pengurangan sebanyak RM67,950 daripada RM7,669,141 bagi 2011 kepada RM7,601,191 pada 2012. Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan dan hospitaliti menunjukkan pertambahan RM3,543,346.

## PEMASARAN DAN PENGKOMERSIALAN

Pemasaran dan pengkomersialan merupakan aktiviti yang penting bagi meningkatkan pendapatan universiti. Sehubungan itu, USIM telah mengadakan hubungan strategik dengan syarikat-syarikat swasta dan beberapa IPTS tempatan bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya adalah kerjasama USIM dengan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) untuk penawaran program USIM di IPTS tersebut. Kerjasama ini dijangka akan meningkatkan sumber pendapatan USIM setelah ia dilaksanakan. Di samping itu, beberapa IPTS lain juga menunjukkan minat untuk mengadakan program kerjasama dengan USIM.

Manakala kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan turut dipereratkan bertujuan mengkomersialkan produk-produk penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik-penyalidik USIM. Contohnya, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMBB), Thoyyib Pharma Industries, Perusahaan Azan Sdn. Bhd., INZ Bio Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat lain seperti dalam Jadual 5.5. Hubungan ini dikukuhkan lagi dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) seperti dalam Jadual 5.3 dan Jadual 5.4 dengan agensi-agensi dalam dan luar negara.



## HUBUNGAN STRATEGIK

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersilan (PHIP) dalam usaha menggerakkan hubungan strategik USIM dengan pihak industri melalui MoU dan MoA. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa lawatan dan perbincangan yang telah diadakan dengan pihak industri. Lawatan dan perbincangan ini telah menjadi langkah pertama USIM bagi menjalankan kerjasama yang lebih spesifik melalui perjanjian MoU, MoA dan perkongsian kepakaran.

Lawatan-lawatan dan perbincangan ini juga telah berjaya membawa hasil dalam misi USIM untuk mencari penempatan bagi pelajar-pelajar dan staf-staf USIM menjalani latihan industri atau latihan sabatikal di syarikat-syarikat industri mahupun agensi-agensi kerajaan selain mampu mengurangkan kos pentadbiran USIM bagi mencari pihak industri lain.

**Jadual 5.3: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU) Dimeterai**

BIL	AGENSI	NEGARA	TARIKH
1	Universiti Medical of Warsaw	Poland	13/02/12
2	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Malaysia	12/03/12
3	Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)	Malaysia	12/03/12
4	Universiti Malaya (UM)	Malaysia	03/04/12
5	United Arab Emirates University (UAEU)	Emiriah Arab Bersatu	18/04/12
6	Universitas Jember Indonesia	Indonesia	02/07/12
7	Sudan University of Science and Technology	Sudan	09/08/12
8	Institut Teknologi Brunei (ITB)	Brunei	29/08/12
9	Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan Brunei (KUPU SB)	Brunei	30/08/12
10	Malaysian Takaful Association (MTA)	Malaysia	20/09/12
11	Peace University Sudan	Sudan	04/10/12
12	Open University Sudan	Sudan	04/10/12
13	Al Neelain University Sudan	Sudan	05/10/12
14	University of Gezira Sudan	Sudan	05/10/12
15	Nile Valley University Sudan	Sudan	05/10/12
16	Al-Zaiem Al-Azhari University Sudan	Sudan	05/10/12
17	Al-Azhar University Gaza Palestine	Palestin	04/10/12
18	Hebron University Palestine	Palestin	04/10/12
19	Islamic University of Gaza Palestine	Palestin	05/10/12
20	Al Aqsa University Gaza Palestine	Palestin	05/10/12
21	Menoufia University Egypt	Mesir	04/10/12
22	Nahda University Egypt	Mesir	04/10/12
23	Ain Shams University Egypt	Mesir	05/10/12
24	Future University Egypt	Mesir	05/10/12

BIL	AGENSI	NEGARA	TARIKH
25	The World Islamic Sciences and University	Jordan	04/10/12
26	Jerash University Jordan	Jordan	04/10/12
27	Petra University Jordan	Jordan	05/10/12
28	Royal University for Medical Sciences Jordan	Jordan	04/10/12
29	Princess Sumaya University for Technology	Jordan	04/10/12
30	IBB University Yemen	Yemen	05/10/12
31	University of Science and Technology Yemen	Yemen	04/10/12
32	Global University Beirut Lebanon	Lebanon	05/10/12
33	Islamic University of Lebanon	Lebanon	04/10/12
34	University of Mosul Iraq	Iraq	05/10/12
35	International Institution of Islamic Waqaf	Emiriah Arab Bersatu	04/10/12
36	Aden University of Yemen	Yemen	19/10/12

#### **Jadual 5.4 : Senarai Memorandum Perjanjian (MoA) yang Telah Ditandatangani**

BIL	AGENSI	NEGARA	TARIKH
1	Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMBB)	Malaysia	02/03/12
2	Agenzi Inovasi Malaysia (AIM)	Malaysia	27/06/12
3	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Malaysia	13/08/12
4	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Malaysia	13/08/12
5	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Malaysia	13/08/12
6	Universitas Islam Sultan Sharif Ali Brunei	Brunei	28/08/12
7	Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN)	Malaysia	13/09/12
8	Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI)	Malaysia	05/10/12
9	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)	Malaysia	12/11/12

#### **Jadual 5.5 : Senarai Lawatan yang Dijalankan ke Atas Agensi-agensi dalam Negara**

BIL	INDUSTRI	LOKASI	PENCAPAIAN/IMPAK
1	Bank Muamalat Malaysia Bhd	Kuala Lumpur	Kerjasama MoA dan Hubungan Industri
2	Thoyyib Pharma Industries (M) Sdn. Bhd.	Nilai, Negeri Sembilan	Penempatan Latihan Industri Pelajar, Hubungan Strategik dan Perkongsian Kepakaran dalam membangunkan kaedah TLC mengenal pasti spesies herba
3	TH Properties Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur	Hubungan Industri dan Penempatan Latihan Industri pelajar USIM

BIL	INDUSTRI	LOKASI	PENCAPAIAN/IMPAK
4	Al-Diwan (M) Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur	Perkongsian kepakaran dalam pengajaran bahasa Arab dan hubungan industri
5	Perusahaan Azan Sdn. Bhd.	Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Perkongsian kepakaran dan hubungan industri
6	DEMC Specialist Hospital Shah Alam	Shah Alam, Selangor	Hubungan industri dan perkongsian kepakaran dalam bidang hospitaliti/butik hospital





# USIMKRA 6

MENGAMALKAN SISTEM  
PENTADBIRAN YANG CEKAP,  
BERKESAN DAN BERINTEGRITI

---



## **MENGAMALKAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP, BERKESAN DAN BERINTEGRITI**

Sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti penting bagi menaikkan sistem pendidikan supaya USIM berdaya saing dan berdaya tahan pada masa hadapan. Bagi menjayakan amalan pentadbiran tersebut, USIM telah merancang strategi-strategi yang sesuai dalam memastikan sistem tadbir urus yang lengkap dan telus, mewujudkan imej universiti yang berwibawa, penggunaan ICT dalam semua urusan dengan pelanggan serta memastikan kepuasan pelanggan yang maksimum.

### **MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI USIM 2011**

Seramai 217 staf telah diraikan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2011 pada 25 Mei 2012 sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada staf yang telah menunjukkan kecemerlangan sepanjang 2011. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengurus Lembaga Pengarah USIM. Seramai 105 staf telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala seramai 67 staf dipilih untuk menerima Anugerah Terpuji. Terdapat tiga orang staf telah diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa dan menerima hadiah tambahan berupa pakej umrah bernilai RM5000.00. Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md Noor, Mantan Pengurus Lembaga Pengarah USIM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Sumbangsih sebagai penghargaan kepada beliau di atas jasa dan komitmen beliau dalam pembangunan dan kejayaan USIM. Selain itu, terdapat pelbagai kategori Anugerah Khas seperti Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Pentadbir Cemerlang, Anugerah Pengajar Cemerlang, Anugerah Staf Contoh Tahunan, Anugerah Inovasi dan Rekacipta dan Anugerah Khidmat Masyarakat telah diberikan kepada 47 orang penerima. Majlis

Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2011 adalah acara kemuncak bagi Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2012 yang telah diadakan daripada 21 Mei sehingga 25 Mei 2012.

## PEMBUDAYAAN KUALITI

Beberapa program telah dianjurkan oleh Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPPKPK) untuk meningkatkan lagi pemahaman dan amalan Sistem Pengurusan Kualiti di USIM serta meningkatkan amalan budaya kualiti di tempat kerja. Bagi aplikasi Program 5S, USIM telah mengaturkan lawatan 5S ke Pusat Zakat Melaka pada 23 Mei 2012. Lawatan ini telah disertai oleh wakil-wakil dari seluruh jabatan di USIM. USIM turut menganjurkan Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi pada 21 hingga 25 Mei 2012. Terdapat pelbagai program yang diatur dalam minggu tersebut seperti Majlis Pelancaran Minggu Kualiti dan Inovasi USIM, Program Jalan Menuju Kualiti (WalQ), Lawatan 5S ke Pusat Zakat Melaka, Forum Kualiti, dan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI USIM 2012).

Bagi program pensijilan MS ISO 9001:2008, USIM masih terus berjaya mengekalkan pensijilan sedia ada. Sepanjang 2012 pelbagai aktiviti berkaitan pensijilan ini dijalankan. Ini termasuk aktiviti rutin tahunan seperti Kursus Asas Juruaudit Baharu, Kursus Kesedaran ISO, Kursus Kawalan Dokumen, Bengkel Pemurnian Dokumen ISO dan aktiviti audit. Berikut adalah jadual menunjukkan aktiviti audit ISO USIM sepanjang 2012:



### Jadual 6.1: Aktiviti Audit ISO USIM

BIL	SKOP	JABATAN	AUDIT DALAM	AUDIT SIRIM
1	Perkhidmatan Perpustakaan yang Merangkumi Penyediaan dan Penyebaran Bahan-bahan Maklumat	Jabatan Perpustakaan	16-18 Mei 2012	29 Ogos 2012
2	Pengurusan Kewangan yang Merangkumi Perancangan Belanjawan, Perolehan (Bekalan dan Perkhidmatan), Pembayaran dan Terimaan Hasil	Jabatan Bendahari	14-16 Mei 2012.	24-25 Julai 2012
3	Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk dan Pembangunan	Bahagian Pengajian Pra Siswazah	27 Jun-5 Julai 2012	7-9 November 2012
4	Pengurusan Sumber Manusia Meliputi Proses Perancangan, Pengambilan dan Pembangunan Sehingga Persaraan	Jabatan Pendaftar	1-22 Jun 2012	5-6 November 2012
5	<b>MS 1900:2005:</b> Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal Requirement from Islam Perspectives <b>MS ISO 9001:2008:</b> Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	19-23 September 2012	25 Jun 2012
6	Penyediaan Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	5 -7 Jun 2012	4-5 Januari 2012

Pada 30 Januari 2013, USIM telah menganjurkan Konvensyen KIK 2012. Terdapat lima kumpulan yang bertanding dalam konvensyen tersebut. Hasil dari pertandingan tersebut juara disandang oleh kumpulan DEMOLITIAN dari Bahagian Audit Dalam. Ini diikuti oleh Kumpulan CAMSHAFT dari Jabatan Bendahari ditempat kedua dan Kumpulan SMART dari Pusat Tamhidi. Kumpulan DEMOLITIAN dan CAMSHAFT akan mewakili USIM ke Konvensyen KIK peringkat IPTA yang dijadualkan pada 20 hingga 22 Mei 2013 di Universiti Utara Malaysia (UUM). Jadual berikut menunjukkan pencapaian jabatan dan nama kumpulan KIK yang menyertai pertandingan pada Konvensyen KIK USIM 2012:

### Jadual 6.2: Pencapaian Kumpulan KIK Pada Konvensyen KIK USIM

BIL	PENCAPAIAN	KUMPULAN	JABATAN	TAJUK
1	Johan	Demolition	Bahagian Audit Dalam	Kesukaran Menilai Prestasi Audit
2	Naib Johan	Camshaft	Jabatan Bendahari	Kelewatan Proses Pembayaran kepada Pihak Ketiga
3	Ketiga	Smart	Pusat Tamhidi	Dokumentasi Laporan Aktiviti Pusat Tamhidi Tidak Sistematik
4	Saguhati	Unite 7	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	Memudahkan Proses Mengenal Pasti Kriteria Calon yang Layak Menerima Sumbangan Zakat
5	Saguhati	Myinomik	Jabatan Pendaftar	Penerimaan Laporan Perkembangan Prestasi Pengajian Staf yang Bercuti Belajar Tidak Konsisten dalam Satu Tahun Penilaian



### Jadual 6.3: Keputusan Kategori Khas

KATEGORI	KUMPULAN	JABATAN
Persembahan Terbaik	Myinomik	Jabatan Pendaftar
Fasilitator Terbaik	Demolitian	Bahagian Audit Dalam
Kumpulan Penyokong Terbaik	Unite 7	Bahagian Hal Ehwal Pelajar

## LAPORAN ANALISIS KEPUASAN PELANGGAN SESI AKADEMIK 2012/2013

Dalam mengukur pencapaian piagam yang telah digariskan, beberapa sumber telah dikenal pasti sama ada sumber tersebut datangnya dari dalam atau luar USIM. Maklumat-maklumat ini terdiri daripada pelbagai bentuk maklumat seperti sistem-sistem yang diguna pakai, soal kaji selidik dan pengiktirafan yang diterima dari agensi-agensi luar.

### 1. Sistem e-Nilai

Sistem e-Nilai digunakan bagi mengukur kepuasan para pelajar terhadap staf akademik. Soal selidik ini dilakukan pada setiap semester selepas tamat sesi perkuliahan dan sebelum peperiksaan dijalankan. Dari soal selidik yang dilaksanakan menunjukkan pencapaian 99.7% staf akademik di USIM memperoleh skor penilaian 70% ke atas. Peratusan yang besar ini secara tidak langsung membuktikan tahap kepuasan yang tinggi oleh para pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran di USIM.

**GUIDELINES TO ALL STUDENTS**

- In the effort of upgrading the quality of teaching and learning process, Islamic Science University of Malaysia (USIM) would like to obtain your personal response regarding the courses that you have attended for the current semester.
- Subsequently, your COOPERATION is needed in completing the questionnaire. Such cooperation shown will indeed facilitate the university in upgrading the quality of teaching and learning process of the identified course.
- Please read CAREFULLY the following statements given and ensure that you have full understanding of the statements read, prior to responding to each of the statement provided.
- Please response to the statement HONESTLY, FAIRLY and IMPARTIALLY. It is very important that evaluation is made without having any presupposition towards either the course or the lecturer given.
- SELECT and CLICK the appropriate scale provided according to the evaluation that you deemed appropriate and reflective of the lecturer being evaluated
- It is very important that evaluation made is done in a fair and sincere manner, without having any presuppositions towards either the course or the lecturer involved.

[eNilai Policy](#)

## 2. SETARA

Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) MQA ialah sistem yang mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi universiti dan kolej universiti.

Instrumen SETARA meliputi tiga dimensi umum iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dimensi input menerangkan bakat, sumber dan governan. Dimensi proses menumpukan kepada kualiti kurikulum dan output ke atas kualiti graduan. Berikut adalah sistem penarafan SETARA:

MATA	ULASAN
6	Terbilang
5	Cemerlang
4	Sangat Baik
3	Baik
2	Memuaskan
1	Lemah

Dalam memberikan khidmat terbaik kepada pelanggannya, USIM telah diberikan penarafan SETARA '12 pada **tahap 5** iaitu **Cemerlang**.

## 3. D-SETARA

Sistem penarafan Disiplin Pengajaran (*Discipline Based Rating System*, D-SETARA) mengukur Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (Peringkat Ijazah Pertama) dalam disiplin pengajaran tertentu di universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Instrumen D-SETARA meliputi tiga domain umum iaitu input, proses dan output untuk menilai Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran. Domain input menilai bakat, sumber dan governan. Domain Proses menumpukan kepada kurikulum dan Domain Output ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajian tinggi.

D-SETARA menjustifikasi penarafan kepada enam tahap dengan tahap enam merupakan tahap yang tertinggi. Bagi kategori **Perubatan, Pergigian** dan **Farmasi**, USIM telah dianugerahkan dengan penarafan **TIGA Bintang**.



Sistem Penarafan Disiplin Pengajaran (*Discipline-Based Rating System*, D-SETARA) mengukur **kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama)** dalam disiplin pengajaran tertentu di universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Instrumen D-SETARA meliputi tiga domain generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Domain input menilai bakat, sumber dan governan. Domain proses menumpukan kepada kurikulum dan domain output ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajian tinggi. Struktur keseluruhan instrumen boleh diakses di <<http://www.mqa.gov.my/DSETARA>>.

D-SETARA mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tier) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan Tier 1 sebagai yang paling rendah (Lemah). Berikut merupakan senarai penuh keputusan D-SETARA, mengikut susunan abjad:

#### 4. Laporan Analisis Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Sokongan Kepada Aktiviti Pengurusan dan Pembelajaran

BIL.	TOPIK UTAMA	TAHAP KEPUASAN 2011 (%)	TAHAP KEPUASAN 2012 (%)
1	Tahap Perkhidmatan dan Layanan yang Diberikan	61.70	63.51
2	Tahap Sokongan dan Bantuan yang Diberikan oleh Staf USIM dalam Pelaksanaan Aktiviti Pelajar	67.62	60.03
3	Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal	58.62	55.54
4	Kaedah Hebahan dan Kandungan Maklumat kepada Pelajar	61.88	57.82
5	Aktiviti / Program / Bengkel / Latihan Menambah Nilai Kemahiran Insaniah Pelajar	70.60	63.88
6	Kemudahan Pembelajaran dan Pengajaran / ICT	50.47	49.55
<b>PURATA PERATUSAN</b>		<b>61.93</b>	<b>58.78</b>

Peratusan tertinggi tahap kepuasan para pelajar ialah pada bahagian Tahap Perkhidmatan dan Layanan yang Diberikan di USIM dengan peratusan sebanyak 63.51%. Peratusan terendah tahap kepuasan para pelajar ialah pada Kemudahan Pembelajaran dan Pengajaran ICT yang hanya mencatatkan peratusan kepuasan sebanyak 49.55%. Secara keseluruhan hasil dari dapatan yang diperolehi mencatatkan tahap kepuasan bagi tahap "memuaskan" dan "sangat memuaskan" menunjukkan peratusan sebanyak 58.78%. Berlaku penurunan tahap kepuasan berbanding 2011 sebanyak 3.15%. Peratusan ini masih jauh dari sasaran sebenar USIM yang menyatakan kepuasan pelanggan perlu sekurang-kurangnya 80%.

#### PENGGUNAAN ICT DALAM SEMUA URUSAN DENGAN PELANGGAN

Pelbagai projek ICT sama ada penambahbaikan sistem sedia ada atau mewujudkan sistem baru telah dijalankan bagi memastikan penambahbaikan kecekapan sistem pentadbiran dan perkhidmatan USIM. Terdapat dua kumpulan sistem yang diguna pakai oleh USIM iaitu Sistem Aplikasi Pengurusan Universiti dan Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar. Sistem-sistem ini telah diguna pakai di USIM dan banyak membantu dalam melicinkan jentera pentadbiran USIM adalah seperti berikut:

##### Sistem Aplikasi Pengurusan Universiti

Sistem di bawah Unit Aplikasi Pengurusan Universiti adalah memberi fokus kepada sistem yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada staf. Berikut adalah senarai sistem baru dan sistem yang diperluaskan.

## i. Sistem ePrestasi Cuti Belajar

Sistem ePrestasi Cuti Belajar adalah tambahan skop/submodul kepada Sistem ePrestasi Akademik sedia ada. Sistem ini merangkumi pemantauan prestasi pengajian staf dan Felo Siswazah sedang bercuti belajar yang dilakukan secara atas talian sebanyak dua kali setahun iaitu pada Jun dan Disember. Sistem ini dapat memperkasa dan menambahbaik proses pemantauan prestasi pengajian staf dan Felo Siswazah sedang bercuti belajar dan juga dapat mempermudahkan pelaporan prestasi pengajian Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar USIM.



## ii. Sistem myOT

Sistem myOT adalah Sistem Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa yang dibangunkan untuk membantu dalam proses pengiraan, penyemakan dan pembayaran tuntutan kerja lebih masa secara atas talian (*online*) yang merangkumi proses arahan kerja, permohonan tuntutan, pengesahan peringkat jabatan sehingga ke proses bayaran. Sistem ini telah mula diguna pakai bermula Mei 2012 bagi proses tuntutan bulan April 2012.

Sistem ini telah berjaya mencapai objektif pembangunan untuk menjadikan proses tuntutan elaun kerja lebih masa sebagai satu proses yang bersistematis, membolehkan proses permohonan dan pembayaran dilaksanakan dengan lebih berkesan, tepat dan mudah. Selain itu, sistem ini membantu dalam proses penyemakan pengiraan tuntutan yang standard dan boleh diautomatiskan proses pembayaran tuntutan OT bersama proses gaji bulanan staf.

### iii. **Sistem eGEMSYS**

Sistem eGEMSYS iaitu Sistem Pengurusan Majlis (*General Event Management System*) telah mula digunakan oleh Urus Setia Konvokesyen USIM pada 2003. Sistem ini telah dinaik taraf kepada versi *online* untuk memudahkan capaian pengguna ke atas sistem dan telah digunakan pada Majlis Konvokesyen dan Majlis Santapan USIM pada 2012. Sistem ini membantu pengguna untuk merekod proses pendaftaran majlis, proses jemputan tetamu, pemilihan tetamu dan juga proses janaan kad jemputan dan janaan e-card kepada tetamu.

### iv. **Sistem MyAkrab**

Sistem MyAkrab adalah sistem kehadiran staf berkonseptkan *Punch Card* yang menggunakan teknologi kad pintar dan imbasan cap jari di Kampus Utama USIM di Nilai, Negeri Sembilan dan kampus cawangan di Pandan Indah, Kuala Lumpur. Sistem ini telah dinaik taraf dengan penggunaan Sistem Merakam Waktu Client PC KIOSK myAKRAB versi baru dan juga penambahbaikan proses Kiraan Jam Bekerja Staf Bagi Rekod Permohonan Urusan Rasmi Luar Pejabat.

### v. **Sistem MyTRAMS**

Sistem MyTRAMS merupakan sistem bagi merekodkan jumlah mata sepanjang tahun melalui Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Ia merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat atau latihan yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kompetensi staf merangkumi pelbagai aktiviti pemerkasaan pengetahuan, kemahiran dan kualiti agar dapat meningkatkan penghasilan kerja optimum yang menjurus kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama USIM. Sistem ini telah dinaik taraf dengan penambahan proses bagi kaedah pemberian Mata CPD bagi kursus dalam/kursus luar, Permohonan Keperluan Latihan & Program Sangkutan, Pembangunan Modul *Training Needs Analysis* (TNA) dan juga penambahan proses Janaan CPD bagi Rekod Menghadiri Persidangan Staf Akademik.



## Sistem Aduan ICT

Sistem Aduan ICT merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi membantu Pusat Teknologi Maklumat dalam menguruskan aduan berkaitan ICT seperti aduan kerosakan perkakasan, masalah perisian, ralat sistem dan sebagainya. Sistem Aduan ICT ini merupakan salah satu pakej sistem yang diperoleh semasa pembangunan Sistem Maklumat Universiti (SMU) pada 2004 sehingga 2006. Sistem Aduan ICT ini merangkumi Modul Aduan, Modul Petugas, Modul Penyelenggara dan Modul Laporan dan Statistik bagi melicinkan proses rekod aduan kerosakan di Pusat Teknologi Maklumat selain dapat membantu proses pemantauan status tindakan yang telah diambil oleh setiap petugas.

## Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar

Sistem di bawah Unit Aplikasi Akademik dan Pelajar adalah memberi fokus kepada sistem yang berkaitan dengan servis pelajar dan tenaga akademik. Berikut adalah senarai sistem baru dan sistem yang diperluaskan:

### i. **Sistem Latihan Industri (eLI)**

Sistem Latihan Industri ini adalah sistem yang melibatkan proses merekodkan maklumat latihan industri sebelum ini dibuat secara manual oleh fakulti. Proses utama sistem adalah merangkumi permohonan latihan industri, status tawaran, merekodkan buku log aktiviti, maklumat penilaian dan pemarkahan. Bagi proses penilaian dan buku log aktiviti ianya diakses oleh penyelia industri dan kini telah 300 organisasi menggunakanannya. Sistem ini telah menerima Anugerah Inovasi dan Rekacipta sempena Minggu Kualiti USIM. Selain itu, sistem ini juga tersenarai pendek dalam 10 calon sistem Anugerah MyGOSCON.

### ii. **Sistem Penilaian Kemahiran Insaniah (ePKI)**

Pelaksanaan sistem ePKI adalah selaras dengan tuntutan dalam bidang keberhasilan utama USIMKRA 2009-2020. USIM KRA1 diperuntukkan untuk meluaskan akses bagi membentuk dan melahirkan graduan yang holistik serta berdaya gaji tinggi yang diketuai oleh TNC HEPA. Dengan terlaksananya sistem ePKI ini, pihak USIM dapat mengenal pasti tahap kemahiran pelajar yang menyokong CAP7: *Holistic Student Development (HSD)*.

Terdapat sembilan eleman yang diambil kira di dalam analisis ePKI antaranya kemahiran berkomunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesian masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika dan moral profesional, kemahiran kepimpinan, kemahiran berbahasa Inggeris dan kemahiran berbahasa Arab.

Pelajar membuat penilaian secara atas talian pada setiap semester dan di setiap penilaian terdapat skor kemahiran insaniah (KI) pelajar.

**iii. Sistem eCGS (Online Application For Graduate Admission)**

Permohonan pelajar untuk memohon program peringkat Master dan PhD secara atas talian melalui sistem ini. Sistem ini telah dinaik taraf selari dengan keperluan tambahan pengguna dan urus setia. Pemohon boleh membuat proses muat naik dokumen yang diperlukan.


**iv. Sistem eAkademik**

Sistem eAkademik ini dibangunkan secara atas talian untuk merekodkan keperluan ahli akademik dalam penerbitan, penyelidikan dan lain-lain. Ianya telah dinaik taraf untuk menyokong sistem ePrestasi universiti.

**v. Portal eStudent**

Portal komuniti pelajar iaitu eStudent telah mula diguna pakai oleh pelajar mulai September 2012. Terdapat beberapa fungsi tambahan yang disediakan untuk tujuan capaian pelajar USIM seperti permohonan daftar kursus kokurikulum secara atas talian dan juga proses gugur kursus. Maklumat asas pelajar seperti profil diri dan waris dipaparkan untuk tujuan semakan.

Selain itu, pelajar juga boleh melihat keputusan peperiksaan, jadual waktu kuliah, serta senarai daftar kursus di dalam portal. Pembayaran secara atas talian juga boleh dilakukan menerusi sistem myPayment yang dipautkan.





# LAPORAN KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN DAN  
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

---

## PRESTASI KEWANGAN 2012

Secara keseluruhan, pendapatan USIM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 berjumlah RM168.92 juta, peningkatan sebanyak RM13.47 juta (8.67%) berbanding RM155.45 juta pada 2011. USIM mencatatkan perbelanjaan operasi berjumlah RM179.64 juta pada 2012 berbanding RM142.86 juta pada 2011 iaitu peningkatan sebanyak RM36.78 juta (25.75%).

RM JUTA	2008	2009	2010	2011	2012
<b>Jumlah Pendapatan</b>	116.45	103.59	125.30	155.45	168.92
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	112.43	128.77	122.55	142.86	179.64

## KUMPULAN WANG MENGURUS


Pendapatan Mengurus 2012 berjumlah RM168.72 juta iaitu peningkatan sebanyak RM13.42 juta (8.64%) berbanding RM155.30 juta pada 2011. Geran Mengurus 2012 yang diterima adalah RM131.59, peningkatan sebanyak RM20.02 (17.94%) berbanding RM111.57 juta pada tahun 2011. Yuran pengajian menyumbang RM22.95 juta daripada pendapatan USIM di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM10.60 juta (85.83%) berbanding RM12.35 juta dalam 2011. Lain-lain pendapatan mencatat RM14.18 juta, penurunan sebanyak RM17.35 juta (55.03%) berbanding RM31.53 juta pada 2011.

## PERBANDINGAN KOMPONEN PENDAPATAN 2008-2012

RM JUTA	2008	2009	2010	2011	2012
	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Geran Kerajaan</b>	104.12	90.39	103.47	111.57	131.59
<b>Yuran Pengajian</b>	8.89	9.44	14.68	12.35	22.95
<b>Lain-Lain Pendapatan</b>	0.79	3.88	7.15	31.53	14.18
<b>Jumlah</b>	<b>113.80</b>	<b>103.71</b>	<b>125.30</b>	<b>155.45</b>	<b>168.72</b>



## CARTA 1 : PERBANDINGAN KOMPONEN PENDAPATAN 2008-2012




Keseluruhan perbelanjaan mengurus USIM berjumlah RM179.39 juta di mana emolumen meningkat kepada RM75.23 juta (41.93%) dan diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM81.25 juta (45.29%). Perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap juga meningkat iaitu RM8.09 juta (4.51%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan susut nilai dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM14.82 juta (8.26%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan.

## PERBANDINGAN KOMPONEN PERBELANJAAN 2008-2012

	RM JUTA		2008	2009	2010	2011	2012
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Emolumen</b>	49.60	52.79	55.35	62.35	75.23		
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>	47.32	56.69	46.29	59.26	81.25		
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>	1.09	3.83	5.25	6.53	8.09		
<b>Lain-Lain Perbelanjaan</b>	14.42	15.47	15.66	14.73	14.82		
<b>Jumlah</b>	<b>142.79</b>	<b>100.00</b>	<b>179.39</b>	<b>100.00</b>	<b>179.39</b>		

## CARTA 2 : PERBANDINGAN KOMPONEN PERBELANJAAN 2008-2012




## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Geran Pembangunan USIM yang diterima pada 2012 adalah sebanyak RM24.07 juta, penurunan sebanyak RM50.01 juta (67.51%) berbanding RM74.08 juta pada 2011.

Perbelanjaan Pembangunan USIM pada 2012 termasuk perbelanjaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Funding Initiative) dan FRGS sebanyak RM60.57 juta berbanding RM58.72 juta pada 2011. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM1.85 juta (3.15%). Oleh itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM767.64 juta berbanding RM754.32 juta pada 31 Disember 2011.



### CARTA 3 : PERBANDINGAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2008-2012




### ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Tetap USIM pada 2012 ialah RM188.69 juta berbanding RM170.65 juta pada 2011, penurunan sebanyak RM18.04 juta (10.57%) manakala, jumlah Aset Semasa USIM pada 2012 pula adalah sebanyak RM73.71 juta berbanding RM98.73 juta pada 2011, penurunan sebanyak RM25.02 juta (25.34%).


